



GUIDELINES ON OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH IN CONSTRUCTION INDUSTRY (MANAGEMENT) 2017

GUIDANCE NOTES (PRINCIPAL DESIGNER & DESIGNER)



Published by:

Department of Occupational Safety and Health
(Ministry of Human Resources)
Level 1,3,4, 5, Block D4, Complex D,
Federal Government Administrative Centre, 62530 W.P. Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 | Fax: 03-8889 2443
Email: jkkp@mohr.gov.my
Website: www.dosh.gov.my

GUIDANCE NOTES FOR
**PRINCIPAL DESIGNER/
DESIGNER(s)**

JABATAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



GARIS PANDUAN
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
DALAM INDUSTRI PEMBINAAN (PENGURUSAN)
2017

NOTA PANDUAN UNTUK
PEREKA UTAMA/
PEREKA

PENAFIAN

Penerbitan ini bukan untuk dijual dan disediakan semata-mata bagi tujuan rujukan. Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Malaysia adalah pemilik semua hak cipta yang wujud dalam penerbitan ini. Semua penyalinan atau pengeluaran semula buku ini atau sebahagian daripadanya dalam apa-apa cara tanpa kebenaran adalah dilarang sama sekali.

JKKP Malaysia tidak memberi jaminan berkenaan dengan ketepatan dan kesempurnaan kandungan buku ini dan tidak boleh dipertanggungjawabkan kerana memberikan maklumat sedemikian.

DEFINISI

Projek –Bermaksud satu projek yang meliputi atau bertujuan untuk merangkumkan kerja pembinaan dan termasuk semua perancangan, reka bentuk, pengurusan atau kerja-kerja lain yang terlibat dalam projek sehingga akhir fasa pembinaan.

Struktur –Ditakrifkan sebagai sebarang struktur kekal atau sementara, termasuklah mana-mana bahagian struktur dan mana-mana produk, atau sistem mekanikal atau elektrik yang dicadangkan untuk struktur.

Semunasabah yang dapat dilaksanakan –Bermakna bahawa tahap risiko dalam keadaan tertentu boleh menjadi seimbang terhadap masa, masalah, kos dan kesukaran fizikal mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan risiko. Sesuatu tindakan dianggap dapat dilaksanakan apabila ia mampu dilakukan. Untuk menentukan sama ada sesuatu tindakan adalah munasabah, perlu dipertimbangkan:

- a) keterukan sebarang kecederaan atau bahaya kepada kesihatan yang mungkin berlaku;
- b) tahap risiko (atau kemungkinan) kecederaan atau bahaya yang berlaku;
- c) pengetahuan tentang bahaya dan cara-cara untuk menghapuskan, mengurangkan atau mengawal nya; dan
- d) ketersediaan, kesesuaian dan kos perlindungan.

Orang ditakrifkan sebagai individu yang:

- a) Menjalankan atau yang boleh terjejas oleh kerja-kerja pembinaan struktur itu; atau

- b) Bekerja di sebuah bangunan siap atau struktur sebagai tempat kerja termasuk individu yang mengekalkan atau membersihkan struktur, atau apa-apa di dalam atau ke atas struktur.

Fasa pra-pembinaan –Apa-apa tempoh masa di mana reka bentuk atau kerja-kerja persediaan dijalankan untuk projek dan boleh diteruskan semasa fasa pembinaan;

Klien Domestik –Klien domestik bermaksud klien yang mana projek pembinaan yang dijalankan tidak berkaitan dengan perniagaan. Kerja-kerja pembinaan di rumah-rumah domestik, di mana rumah itu adalah kediaman utama klien, tidak akan terbabit dengan hal pemajuan perniagaan, tetapi jika ada rumah lain dibina di tapak kediaman utama, atau rumah keluarga diubah menjadi pangsapuri, ia mungkin akan dikaitkan dengan pemajuan perniagaan (berpotensi dikenakan cukai atas apa-apa keuntungan).

Kesesuaian kontraktor –Ujian kesesuaian termasuklah penilaian terhadap kecukupan masa dan sumber-sumber lain, pengalaman masa lalu projek yang sama, dan pengalaman dan kelayakan pekerja.

Perbadanan Pengurusan –Berhubung dengan mana-mana bangunan yang dipecah bahagi merujuk kepada mana-mana perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 39, 64 atau 64A, Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318].

Pelan fasa pembinaan - adalah sama dengan pelan keselamatan dan kesihatan seperti yang dicadangkan dalam Garis Panduan bagi 1. Spesifikasi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH); 2. Jadual Harga OSH oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan.

SINGKATAN

- a) Garis Panduan OSHCIM 2017 –Garis Panduan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dalam Industri Pembinaan (Pengurusan) 2017
- b) OSH – Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (Occupational Safety & Health)
- c) CIDB – Construction Industry Development Board (Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan)
- d) DOSH – Department of Occupational Safety and Health(Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja)

ISI KANDUNGAN

DEFINISI.....	ii
SINGKATAN	iv
ISI KANDUNGAN.....	v
1.0 PENGENALAN.....	1
1.1 Skop & Penggunaan.....	2
1.2 Prinsip-prinsip Umum.....	3
1.3 Konsep Pengurusan Risiko Reka Bentuk	3
1.4 Siapa yang boleh menjadi pereka utama?.....	4
2.0 APAKAH MAKSUD REKA BENTUK SELAMAT?	6
2.1 Pilihan reka bentuk untuk mengawal risiko dalam peringkat kitaran hayat 8	
2.1.1 Reka bentuk untuk pembinaan selamat	8
2.1.2 Reka bentuk untuk memudahkan penggunaan yang selamat..	10
2.1.3 Reka bentuk untuk penyelenggaraan yang selamat.....	11
2.1.4 Pengubahsuaian	12
2.1.5 Perobohan dan perombakan	12
3.0 SIAPAKAH PEREKA.....	14
4.0 SIAPAKAH PEREKA UTAMA (PD).....	16
5.0 PERANAN PEREKA DAN PEREKA UTAMA.....	18
5.1 Ringkasan Peranan	18
5.1.1 Penyediaan Maklumat Pra-Pembinaan	19
5.1.2 Pengurusan risiko reka bentuk.....	20
5.1.3 Kerjasama semua yang terlibat.....	20
5.1.4 Skop Peranan	21
6.0 PERANAN PEREKA	22
7.0 PERANAN PEREKA UTAMA (PD)	29
8.0 PROSES PEMIKIRAN PEREKA & PEREKA UTAMA.....	33
8.1 Fasa Pra-Pembinaan	34
8.1.1 Ringkasan Tugas Kritikal Pereka Utama.....	35

8.2	Fasa Pembinaan.....	37
8.3	Fasa Pasca-Pembinaan.....	39
9.0	PENGURUSAN RISIKO REKA BENTUK	41
9.1	Pengenal pastian Bahaya	44
9.1.1	Pertimbangan Jenis Bahaya	44
9.1.2	Pertimbangan Risiko Tertentu	46
9.1.3	Metodologi Pengenal pastian dan PenaksiranBahaya	51
9.2	Analisis Bahaya dan Penaksiran Risiko (HAZAN)	52
9.2.1	Analisis Bahaya.....	52
9.2.2	Penaksiran Risiko.....	54
9.3	Pengawalan Risiko	57
9.3.1	Jenis-jenis Kawalan.....	58
9.4	Strategi Pengurangan Risiko berdasarkan Hierarki Kawalan	62
9.4.1	Mengintegrasikan Reka Bentuk dan Pengurusan Risiko untuk Proses Semakan Reka Bentuk.....	64
9.5	Menyampaikan Risiko Sisa.....	65
10.0	PROSEDUR KAJIAN REKA BENTUK.....	67
10.1	Gambaran Keseluruhan Prosedur Kajian Reka Bentuk.....	71
10.2	Peraturan Asas Kajian Reka Bentuk	73
10.3	ContohPeraturan Kajian Reka Bentuk.....	75
10.3.1	PERATURAN-1 Kajian Reka Bentuk Konsep	75
10.3.2	PERATURAN-2 Kajian Reka Bentuk Terperinci	80
10.3.3	PERATURAN-3 Kajian Pra-Pembinaan	90
11.0	DOKUMEN UNTUK DIHASILKAN DAN DISELENGGARA	95
11.1	Ringkasan Klien.....	96
11.2	Maklumat Pra-Pembinaan (PCI).....	96
11.3	Pelantikan pereka utama dan kontraktor utama	97
11.4	Kajian Pengurusan Risiko Reka Bentuk	98
11.5	Pelan Fasa Pembinaan (CPP).....	98
11.6	Fail Keselamatan dan Kesihatan	99
11.7	Pengedaran Dokumen.....	101
11.7.1	Apa yang perlu dimiliki?.....	101

11.7.2	Apa yang perlu diedarkan?	102
12.0	LAMPIRAN	103
12.1	Contoh	103
12.2	Senarai Semak	103
12.3	Jadual	103
13.0	RUJUKAN	104
13.1	Rujukan Penerbitan	104
13.2	Bacaan Lanjut Kajian Kes.....	105
	LAMPIRAN 1. Contoh Surat Pelantikan Pereka Utama	106
	LAMPIRAN 2. Contoh Maklumat Pra-Pembinaan (PCI) Klien	107
	LAMPIRAN 3. Contoh Penilaian Pereka UtamaKlien.....	109
	LAMPIRAN 4. Contoh Borang Penaksiran Risiko Kualitatif	114
	LAMPIRAN 5. Contoh Pelan Fasa Pembinaan (CPP)	115
	LAMPIRAN 6. Contoh Fail Keselamatan dan Kesihatan (SHF).....	118
	LAMPIRAN 7. Senarai Semak untuk Pemegang Tugas	121
	LAMPIRAN 7.1. Senarai Semak Tugas Klien.....	121
	LAMPIRAN 7.2. Senarai Semak Pertimbangan untuk Klien	124
	LAMPIRAN 7.3. Senarai Semak Pertimbangan untuk Pereka Utama dan Pereka	127
	LAMPIRAN 7.4. Senarai Semak Pertimbangan untuk Kontraktor Utama danKontraktor	129
	LAMPIRAN 8. Pelan Kerja Pembinaan	133
	LAMPIRAN 9. Contoh Analisis Bahaya Awal (Diambil daripada HK OSHEC & DEVB Guidance Notes 2010)	135
	LAMPIRAN 10. Contoh Kandungan Fail Keselamatan & Kesihatan	137
	LAMPIRAN 11. Contoh PengenalPastian Bahaya Awal	139
	LAMPIRAN 12. Senarai merah, kuning dan hijau (Senarai RAG).....	141

1.0 PENGENALAN

Panduan Proses Kerja Pemegang Tugas ini adalah berdasarkan amalan industri yang akan membantu perniagaan dan organisasi bagi mendirikan bangunan dan projek-projek pembinaan yang dapat membantu menghalang kecederaan yang boleh membawa maut.

Terdapat tiga (3) nota bagi pemegang tugas dan satu (1) nota panduan untuk pemegang taruh untuk dipertimbangkan.

- a) Klien
- b) **Pereka Utama dan Pereka**
- c) Kontraktor Utama dan Kontraktor
- d) Pemegang taruh
 - i. Pekerja
 - ii. Penguatkuasaan Pihak Berkuasa
 - iii. Institusi Pendidikan
 - iv. Badan Profesional AEC

NOTA: Panduan ini adalah berdasarkan garis panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Industri Pembinaan (Pengurusan) 2017 (Garis panduan OSHCIM 2017), yang diterbitkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Malaysia, yang boleh dimuat turun di <http://www.dosh.gov.my/index.php/en/>

1.1 Skop & Penggunaan

Tanggungjawab **Pereka Utama** adalah semasa **fasa pra-pembinaan**. Ia termasuk tugas untuk merancang, mengurus, memantau dan menyelaraskan kerja-kerja untuk fasa itu dan bekerjasama dengan kontraktor utama dalam menyediakan maklumat yang relevan untuk perancangan, pengurusan dan pemantauan fasa pembinaan.

Tanggungjawab **Pereka** melalui **keputusan mereka untuk reka bentuk** boleh menjejaskan keselamatan dan kesihatan pekerja dan orang lain yang akan membina, menyelenggara, membaiki, membersihkan, memperbaharui dan merobohkan atau memindahkan bangunan atau struktur pada akhir fasa pembinaan, serta mereka yang akan menggunakannya sebagai tempat kerja.

Tugas pereka bermula sebaik sahaja reka bentuk yang boleh digunakan dalam kerja-kerja pembinaan di Malaysia bermula. Ini termasuk reka bentuk konsep, pertandingan, bida untuk geran, pengubahsuaian reka bentuk yang sedia ada dan kerja yang berkaitan yang dijalankan sebagai sebahagian daripada kajian kebolehlaksanaan. Tidak kira sama ada kebenaran merancang atau dana telah dijamin, atau klien mereka adalah klien domestik.

Pereka perlu membuat rancangan bagi mengelak risiko-risiko ini yang boleh menjejaskan projek, dan memudahkan kontraktor dan juga mereka yang akan menyelenggara atau menggunakan struktur untuk menguruskan risiko-risiko ini.

Kewajipan dalam menguruskan syarat-syarat Garis Panduan 2017 OSHCIM, yang didokumentasikan dan dikekalkan akan dianggap relevan dan akan digunakan untuk membantu pemegang tugas yang bertauliah di bawah Akta OSH 1994 dan kewajipan yang lazim.

1.2 Prinsip-prinsip Umum

Garis Panduan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dalam Industri Pembinaan (Pengurusan) 2017 bertujuan untuk meningkatkan keselamatan dan kesihatan dalam industri pembinaan dengan membantu:

- a) Merancang setiap projek dengan bijak supaya risiko yang terlibat diuruskan dengan berkesan, daripada awal hingga akhir projek;
- b) Memastikan orang yang betul diupah untuk kerja yang tepat, pada masa yang betul;
- c) Menyelaraskan apa-apa projek dengan orang yang berkaitan;
- d) Mendokumentasikan maklumat yang betul mengenai risiko dan bagaimana ia diuruskan;
- e) Menyampaikan maklumat dengan berkesan kepada mereka yang perlu mengetahui;
- f) Berunding dan melibatkan diri dengan pekerja tentang risiko dan cara menguruskannya

1.3 Konsep Pengurusan Risiko Reka Bentuk

Objektif Pengurusan Reka Bentuk (DRM) adalah untuk mengenal pasti risiko yang ketara, bersesuaian dan mengurangkan birokrasi yang tidak perlu, kerja pasukan yang lebih baik dan pengurusan projek yang lebih baik boleh menggalakkan kualiti dan nilai yang lebih baik untuk semua orang. Pengurusan risiko reka bentuk adalah alat yang berkesan untuk menghapuskan, mengurangkan dan mengawal risiko pada peringkat awal reka bentuk.

DRM termasuk menganalisa butiran yang relevan dan bekerjasama dengan orang lain untuk mengenal pasti risiko-risiko penting, mengurangkan kesan-kesannya, merekodkan penemuan penting dan

menyediakan maklumat yang sesuai bagi menyampaikan langkah-langkah ini dengan cara yang sepatutnya.

Pengurusan risiko reka bentuk merangkumi peranan pemegang tugas dan hendaklah sekurang-kurangnya melepasi tiga (3) prosedur penilaian reka bentuk iaitu:

- a) **Penilaian Reka Bentuk Konsep**
- b) **Penilaian Reka Bentuk Perincian**
- c) **Penilaian Pelan Pra-Pembinaan**

Peringkat-peringkat ini memerlukan maklumat dan dokumentasi bagi setiap pemegang tugas untuk menyediakan dan mengedarkannya, **sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Seksyen 7.0.**

1.4 Siapa yang boleh menjadi pereka utama?

Dalam projek komersil, jika Klien gagal melantik seorang pereka utama, kewajipan untuk memenuhi tugas pereka utama akan jatuh ke atas Klien.

Walaupun terdapat lebih daripada satu Kontraktor di tempat kerja pada sesuatu projek pada bila-bila masa, Klien untuk projek itu harus melantik seorang pereka utama secara bertulis.

1. Pereka Utama mestilah:
 - SAMA ADA: salah seorang daripada organisasi reka bentuk atau pereka tunggal yang merancang projek itu.
 - ATAU: seorang pereka atau organisasi reka bentuk yang berasingan dan bukan sebahagian daripada pasukan yang mereka-bentuk projek itu.

2. Pereka utama mestilah daripada organisasi reka bentuk atau pereka tunggal yang mempunyai pengalaman mengenai reka bentuk yang sesuai dengan projek tersebut.
3. Pereka Utama mesti mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang berkaitan dengan reka bentuk, pembinaan, penyelenggaraan dan penggunaan projek. Seseorang pereka tidak boleh menerima jawatan Pereka Utama melainkan mereka mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan, dan kemampuan organisasi yang berkaitan dengan projek.
4. Pereka Utama juga harus mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk mengaplikasikan prinsip Pengurusan Risiko Reka Bentuk dan mempunyai pengetahuan tentang Garis Panduan OSHCIM 2017.
5. Pereka yang hendak menawarkan perkhidmatan mereka sebagai pereka utama perlu mempertimbangkan bagaimana caranya untuk membina kemampuan dan sumber organisasi mereka sebelum menawarkan perkhidmatan pereka utama. Mereka yang tidak mempunyai pengalaman COM perlu menjalani latihan untuk menunjukkan kemahiran dan pengetahuan yang mencukupi bagi memahami dan melaksanakan peranan pereka utama.
6. Dalam projek komersial, jika klien gagal melantik seorang pereka utama, tanggungjawab untuk memenuhi tugas pereka utama akan disandang oleh klien secara automatik, sama ada mereka mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan atau tidak.
7. Dalam projek domestik, jika klien gagal melantik seorang pereka utama, pereka yang menguruskan Fasa Pra-Pembinaan menjadi pereka utama secara automatik.

2.0 APAKAH MAKSUD REKA BENTUK SELAMAT?


Reka bentuk yang selamat boleh didefinisikan sebagai proses integrasi pengenalpastian bahaya dan kaedah penaksiran risiko pada awal proses reka bentuk untuk menghapuskan atau meminimumkan risiko kecederaan sepanjang proses reka bentuk produk. Ia merangkumi semua reka bentuk termasuk kemudahan, perkakasan, sistem, peralatan, produk, peralatan, bahan, kawalan tenaga, susun atur, dan konfigurasi. Keselamatan dalam reka bentuk bertujuan untuk mencegah kecederaan dan penyakit dengan mempertimbangkan bahaya seawal mungkin dalam proses perancangan dan reka bentuk. Pendekatan reka bentuk yang selamat mempertimbangkan keselamatan mereka yang membina, mengendali, membersihkan, membaiki dan meruntuhkan sesuatu aset (bangunan, struktur, loji atau peralatan) serta mereka yang bekerja di dalamnya atau dengannya. Pereka berada dalam kedudukan yang unik untuk mengurangkan risiko yang timbul semasa kitaran hayat aset semasa fasa reka bentuk.

Rajah 1 menunjukkan kitaran hayat yang biasa bagi reka bentuk yang mana pendekatan keselamatan reka bentuk bermula dalam fasa konsep dan perancangan hingga fasa perobohan dengan memberi penekanan pada proses membuat pilihan mengenai reka bentuk, bahan dan kaedah pembuatan atau pembinaan yang diperlukan untuk meningkatkan keselamatan.



Rajah 1: Kitaran Hayat Reka Bentuk


Keputusan terawal pereka pada asasnya menjejaskan kesihatan dan keselamatan orang yang berkaitan dengan reka bentuk sepanjang kitaran hayat aset ini. Keputusan-keputusan ini mungkin mempengaruhi pilihan reka bentuk yang selanjutnya, dan pembinaan semula yang banyak mungkin diperlukan jika hendak membaiki keputusan-keputusan dahulu. Seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2, menangani kesihatan dan keselamatan daripada permulaan sesuatu projek adalah penting supaya ia memberikan kesan yang paling besar dalam keselamatan. Rajah 2 juga menunjukkan bahawa walaupun cara yang paling baik bagi mempengaruhi keselamatan pada sesuatu projek berlaku pada peringkat awal projek, namun penambahbaikan keselamatan terus berjalan diikuti oleh operasi dan penyelenggaraan. Pereka perlu mempertimbangkan bagaimana keselamatan dapat dicapai dengan baik dalam setiap fasa kitaran hayat reka bentuk.



Rajah 2: Keupayaan untuk mempengaruhi keselamatan projek pembinaan

Penaksiran risiko adalah perlu bagi menjangka dan mencegah kemalangan daripada berlaku atau berulang daripada sekadar bertindak balas terhadap peristiwa-peristiwa yang gagal. Risiko adalah kebarangkalian peristiwa yang tidak diingini berlaku dan kesan

daripada semua akibat yang boleh berlaku. Tahap-tahap awal projek mewakili tempoh yang mana peluang bagi mengurangkan impak risiko atau bekerja di kawasan berhampiran risiko yang berpotensi ini masih wujud, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.



Rajah 3: Risiko dan kos untuk kitaran hayat projek

2.1 Pilihan reka bentuk untuk mengawal risiko dalam peringkat kitaran hayat

2.1.1 Reka bentuk untuk pembinaan selamat

Langkah kawalan untuk risiko yang berkaitan dengan pembinaan struktur adalah:

- i. Menyediakan ruang yang mencukupi antara struktur dan kabel elektrik dengan menanam, memutuskan atau mengubah laluan kabel sebelum pembinaan bermula, bagi mengelakkan

- 'kemalangan' semasa mengendalikan kren dan peralatan lain yang tinggi.
- ii. Mereka-bentuk komponen yang boleh dipasang-siap di luar tapak atau di atas tanah untuk mengelakkan pemasangan atau mendirikan komponen di tempat tinggi dan untuk mengurangkan risiko pekerja jatuh daritempat tinggi atau ditimpa oleh objek yang jatuh, contohnya memasangtingkap di aras tanah sebelum pemasangan panel.
 - iii. Mereka-bentuk tembok (parapet) dengan ketinggian yang mematuhi kehendak penyangga jalan (*guardrail*), bagi mengelak kerja membina penghadang semasa pembinaan dan penyelenggaraan bumbung di masahadapan.
 - iv. Menggunakan rasuk penyangga yang berterusan untuk sambungan dua kali rasuk-ke-tiang, sama ada dengan menambah kerusi rasuk (*beam seat*), lubang bolt tambahan, atau titik sambungan lain yang berulang semasa proses penyambungan. Ini akan memberikan penyanggaan berterusan untuk rasuk semasa pembinaan – untuk mengelakkan kerobohan bangunan disebabkan oleh getaran yang tidak dijangka, tersalah jajaran (*misalignment*) dan beban pembinaan yang tidak dijangka.
 - v. Mereka-bentuk dan membina tangga kekal untuk membantu mencegah pekerja terjatuh dan bahaya lain yang berkaitan dengan tangga sementara dan perancah, dan ia hendaklah dilakukan pada permulaan pembinaan.
 - vi. Mengurangkan ruang antara kekuda bumbung dan kasau (*batten*) untuk mengurangkan risiko terjatuh kedalam semasa pembinaan bumbung.
 - vii. Memilih bahan-bahan binaan yang selamat untuk dikendalikan.
 - viii. Menghadkan saiz panel dinding pasang-siap di mana akses tapak adalah terhad.

- ix. Memilih cat atau kemasan lain yang mengeluarkan pelepasan sebatian organik meruap yang rendah.
- x. Menyatakankedudukan dan ketinggian semua talian elektrik, setakat yang praktik, bagi membantu prosedur keselamatan tapak.

2.1.2 Reka bentuk untuk memudahkan penggunaan yang selamat

Pertimbangkan fungsi struktur yang sepatutnya, termasuk sistem penggunaan yang sesuai, dan jenis mesin dan peralatan yang boleh digunakan.

Pertimbangkan sama ada struktur mungkin terdedah kepada bahaya tertentu, seperti tugas-tugas manual di kemudahan kesihatan, keganasan pekerjaan di bank-bank atau penyimpanan barangan berbahaya di gudang.

Risiko yang berkaitan dengan fungsi struktur yang boleh dikawal dengan:

- i. Mereka-bentuk kawasan trafik untuk memisahkan kenderaan dan pejalan kaki.
- ii. Menggunakan bahan yang tidak licin atau anti-gelincir pada permukaan lantai di kawasan yang terdedah kepada cuaca atau kawasan basah yang dikhususkan.
- iii. Menyediakan ruang yang mencukupi untuk memasang, mengendalikan dan menyelenggara loji dan jentera dengan selamat.
- iv. Menyediakan pencahayaan yang mencukupi untuk tugas yang dilakukan dalam struktur.
- v. Mereka-bentuk ruang yang menyediakan atau menggabungkan peranti mekanikal untuk mengurangkan risiko tugas-tugas manual.

- vi. Mereka-bentuk akses yang mencukupi, sebagai contoh, membina koridor yang luas di hospital dan rumah penjagaan untuk memudahkan pergerakan kerusi roda dan katil.
- vii. Mereka-bentuk penghalanghingar (*noise barrier*) dan rawatan akustik yang berkesan pada dinding dan siling.
- viii. Membinaloji dengan pelepasan hingar yang rendah atau mereka-bentuk struktur untuk mengasingkan loji yang bisung.
- ix. Mereka-bentuk muatan lantai (*floor loading*) untuk menampung jentera berat yang akan digunakan di dalam bangunan dan menyatakan dengan jelas dalam dokumen mengenai muatan reka bentuk untuk bahagian-bahagian struktur yang berlainan.

2.1.3 Reka bentuk untuk penyelenggaraan yang selamat

Risiko yang berkaitan dengan pembersihan, servis dan penyelenggaraan struktur boleh dikawal dengan:

- i. Mereka-bentuk struktur supaya penyelenggaraan boleh dilakukan di aras tanah atau dengan selamat daripada struktur, contohnya, menempatkan unit penyaman udara dan lif loji di aras tanah, mereka-bentuk tingkap yang mempunyai pembukaan ke dalam, mengintegrasikan ruangan pembersihan tingkap atau laluan ke dalam kerangka struktur.
- ii. Mereka-bentuk ciri yang dapat mengelakkan kotoran terperangkap.
- iii. Mereka-bentuk dan memposisikan titik pengukuh (*anchorage*) dan titik pengangkat yang kekal pada struktur di mana penyelenggaraan perlu dilakukan di tempat tinggi.
- iv. Mereka-bentuk akses yang selamat, seperti tangga tetap, dan ruang yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti penyelenggaraan struktur.
- v. Melenyapkan atau meminimumkan keperluan untuk masuk ke dalam ruangan terkurung.

- vi. Menggunakan bahan-bahan tahan lama yang tidak perlu disalut-semula (*re-coat*) atau dirawat.

2.1.4 Pengubahsuaian

Reka bentuk tidak selalu melibatkan pada pembinaan struktur baru sepenuhnya. Ia juga boleh melibatkan pengubahan struktur sedia ada yang mungkin memerlukan perobohan sebahagian atau keseluruhan struktur. Sebarang pengubahsuaian struktur memerlukan pengaplikasian-semula daripada proses yang diperincikan dalam fasa reka bentuk.

Rundingan dengan jurutera profesional atau pakar-pakar lain mungkin diperlukan untuk menilai impak sebarang pengubahsuaian atau pengubahan reka bentuk yang dicadangkan, contohnya pengubahan dalam perebakan muatan (*load spread*) di lantai bangunan apabila peralatan berat dipindahkan, diubahsuai atau diganti. Hal ini adalah bagi memastikan bahawa sebarang bahaya dan risiko baru dikenalpasti dan dikawal, dan ciri-ciri keselamatan yang telah dimasukkan dalam reka bentuk tidak terjejas. Isu-isu tambahan reka bentuk yang dikenal pasti dalam fasa-fasa ini harus dimaklumkan kepada pereka.

2.1.5 Perobohan dan perombakan

Perobohan dan perombakan amat penting dalam reka bentuk moden di mana teknik reka bentuk '*limit state*' digunakan oleh pereka struktur. Dalam sistem ini, pereka menganggap struktur adalah dalam keadaannya yang lengkap dengan semua komponen struktur telah dipasang, termasuk penyangga (*bracing*). Struktur yang lengkap ini dapat menahan banyak beban yang lebih tinggi (contohnya, angin dan beban hidup yang lain) daripada waktu struktur ini berada dalam tahap pembinaan atau perobohan.

Struktur hendaklah direka bagi membolehkan perobohan menggunakan teknik sedia ada. Pereka harus menyediakan maklumat supaya tukang robah yang dilantik dapat memahami struktur, laluan muatan dan sebarang ciri yang diintegrasikan dengan struktur bagi memudahkan perobohan, serta bahagian yang memerlukan teknik perobohan yang khusus.

Pereka untuk struktur baru berperanan untuk mempengaruhi perobohan utama struktur dengan mereka-bentuk kemudahan seperti mengangkat pemegang (*lifting lug*) pada rasuk atau tiang dan melindungi sisipan dalam panel pra-tuangan (*pre-cast*) supaya ianya boleh digunakan untuk peleraian (*disassembly*). Bahan dan kemasan yang ditentukan untuk struktur asal mungkin memerlukan perhatian khusus.

3.0 SIAPAKAH PEREKA

Pereka adalah organisasi atau individu, yang mana dalam perniagaan ialah mereka yang menyediakan atau mengubah reka bentuk untuk projek pembinaan (termasuk reka bentuk untuk kerja sementara); atau menguruskan, atau mengarahkan orang di bawah seliaan mereka untuk membuat kerja apa-apa yang berkaitan dengan struktur, atau kepada produk atau sistem mekanikal atau elektrik yang dikhususkan untuk struktur tertentu, dan seseorang pereka dianggap bertanggungjawab terhadap reka bentuk yang disediakan oleh seseorang di bawah seliaan mereka.

Istilah 'reka bentuk' merangkumi lukisan, butiran reka bentuk, spesifikasi, bil kuantiti dan pengiraan yang disediakan untuk tujuan reka bentuk. Pereka ialah arkitek, ahli teknologi seni bina, jurutera perunding, juruukur bahan, pereka dalaman, jurutera kerja sementara, juru ukur berkanun, juruteknik atau sesiapa sahaja yang menentukan atau mengubah reka bentuk. Ini termasuklah Jurutera Profesional, jurutera, arkitek, dan juga kontraktor atau klien jika mereka menyediakan plan reka bentuk untuk struktur tetap atau sementara. Selain itu, orang lain juga dianggap pereka jika mereka menjalankan kerja reka bentuk, seperti kontraktor utama, dan kontraktor pakar, contohnya kontraktor kejuruteraan yang menyediakan perkhidmatan reka bentuk, perolehan (*procurement*) dan pengurusan pembinaan. Jika klien terlibat secara aktif dalam mereka-bentuk berkait dengan projek mereka, mereka juga boleh dianggap sebagai pereka.

Pihak berkuasa tempatan atau pegawai kerajaan boleh memberikan panduan dan arahan mengenai reka bentuk yang memenuhi keperluan undang-undang (contohnya Undang-Undang Bangunan Seragam), tetapi ini tidak menjadikan mereka pereka. Pereka mungkin tidak mempunyai pilihan lain selain mematuhi keperluan ini,

yang merupakan 'kekangan reka bentuk'. Walau bagaimanapun, jika badan berkanun meminta ciri-ciri tertentu untuk ditambah atau dikecualikan yang melangkaui keperluan undang-undang (contohnya, menetapkan ketiadaan perlindungan tepi pada bumbung rata jika tiada asas dalam undang-undang atau dasar perancangan untuk berbuat demikian), mereka boleh menjadi pereka di bawah garis panduan ini dan harus mematuhi keperluannya.

Orang yang memilih produk untuk digunakan dalam pembinaan adalah pereka dan mesti mengambil kira isu keselamatan dan kesihatan yang timbul daripada penggunaannya. Sekiranya produk dibina khas, orang yang menyediakan spesifikasi itu adalah seorang pereka dan begitu juga dengan pengeluar jika mereka menghasilkan reka bentuk terperinci.

Sekiranya reka bentuk disediakan atau diubahsuai di luar Malaysia, tanggungjawab pereka akan dikenakan kepada orang atau organisasi yang memesannya jika mereka ditubuhkan di Malaysia, atau jika tidak, klien (tetapi bukan klien domestik).

4.0 SIAPAKAH PEREKA UTAMA (PD)

Pereka utama adalah pereka yang mempunyai kawalan ke atas fasa pra-pembinaan dalam projek. Ini adalah peringkat paling awal dalam projek, daripada reka bentuk konsep hingga perancangan kerja pembinaan. Pereka utama hendaklah dilantik secara bertulis oleh klien untuk menjalankan tugas mereka pada masa yang tepat, contohnya, secepat yang dapat dilaksanakan dan sebelum permulaan fasa pembinaan. **(Rujuk Rajah 4 & Rajah 5)**


Pereka utama adalah sebuah organisasi (atau dalam projek yang lebih kecil mereka boleh menjadi seorang individu) yang mempunyai:

- a) Pengetahuan teknikal tentang industri pembinaan yang berkaitan dengan projek;
- b) Pemahaman dan kemahiran untuk mengurus dan menyelaraskan fasa pra-pembinaan, termasuklah sebarang kerja reka bentuk yang dijalankan selepas pembinaan bermula.


Jika pereka utama adalah organisasi mereka harus memiliki keupayaan organisasi untuk menjalankan peranan mereka, serta kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang perlu dimiliki oleh pereka individu.

Pereka utama mungkin mempunyai tugas lain sebagai pereka pada sesuatu projek, untuk maklumat lanjut pergi ke bahagian Tanggungjawab Pereka.

NOTA: *PD harus dilantik seawal mungkin dalam proses reka bentuk (sebolehnya pada peringkat konsep) dan sekurang-kurangnya sebelum fasa pembinaan bermula, supaya mereka mempunyai masa yang cukup untuk menjalankan tugas mereka untuk merancang dan mengurus fasa pra-pembinaan dan pembinaan. Jika klien gagal melantik PD, klien itu harus memegang peranan mereka.*



Rajah 4: Pelantikan pereka utama & kontraktor utama dalam Kontrak Tradisional



Rajah 5: Pelantikan pereka utama & kontraktor utama dalam Kontrak Reka dan Bina

5.0 PERANAN PEREKA DAN PEREKA UTAMA

Nota panduan ini boleh digunakan untuk semua projek yang melibatkan pembangunan projek pembinaan, pemulihan dan pengubahsuaian struktur, pembinaan loji dan peralatan, dan penggunaan bahan-bahan semasa pembinaan dan operasi.

Nota panduan ini boleh digunakan dalam projek reka bentuk tetap dan sementaratetapi tidak terhad kepada dua projek ini sahaja. Semua reka bentuk mesti dijalankan oleh pereka yang berkelayakan sesuai dengan tahap **pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang sewajarnya melalui latihan formal**, dalam bidang kejuruteraan yang berkaitan.

Proses pengurusan risiko yang dinyatakan hendaklah digunakan. Walau bagaimanapun, sejauh mana bukti dokumen yang diperlukan mungkin berbeza-beza daripada projek ke projek. Faktor-faktor penentu adalah kemungkinan bahaya dan tahap bahaya terhadap orang ramai dan harta benda yang disebabkan oleh projek-projek itu.

Prinsip **Akta OSH 1994** menjangkakan bahawa terdapat **keseimbangan** antara **usaha, masa dan kos yang diperlukan**, dan faedah yang diperolehi daripada proses tersebut. Bagi kerja-kerja yang mempunyai bahaya yang berisiko rendah, proses itu boleh diringkaskan dengan sewajarnya.

5.1 Ringkasan Peranan

Tujuan utama pereka ialah untuk mereka-bentuk bangunan selamat dengan mereka-bentuk yang mengelak bahaya, pada peringkat awal reka bentuk projek iaitu peringkat pra-pembinaan. Tugas-tugas pereka akan bermula sebaik sahaja reka bentuk yang boleh

digunakan dalam kerja-kerja pembinaan di Malaysia bermula. Ia merangkumi reka bentuk konsep, pertandingan, bida untuk geran, pengubahsuaian reka bentuk yang sedia ada dan kerja yang berkaitan yang dijalankan sebagai sebahagian daripada kajian kebolehlaksanaan. Ini boleh dilakukan melalui kajian perancangan dan reka bentuk yang tepat mengenai kebolehbinaan bagi memastikan kerja pembinaan dijalankan tanpa risiko keselamatan dan kesihatan.

5.1.1 Penyediaan Maklumat Pra-Pembinaan

Pereka utama menyediakan bantuan kepada klien dalam penyediaan Maklumat Pra-Pembinaan yang dibangunkan secara berterusan seperti berikut:

- i. Pereka Utama akan mengumpulkan dan mengedarkan Maklumat Pra-Pembinaan dalam pemilikan Klien pada permulaan projek. Maklumat yang dimiliki Klien bergantung kepada jenis Klien (domestik atau komersial), saiz dan jenis projek, dan sebagainya. Klien Domestik mungkin tidak mempunyai banyak maklumat, tetapi Klien Komersial sepatutnya mempunyai maklumat mengenai bangunan dan tapak bangunan mereka. Contohnya, Klien Komersial yang mengarahkan pengubahsuaian harus mempunyai maklumat tentang asbestos, struktur dan perkhidmatan.
- ii. Pereka Utama dan Pereka akan mengenal pasti jurang dalam Maklumat Pra-Pembinaan di mana Klien perlu mengarahkan, sama ada diri mereka sendiri ataupun melalui konsultan, penyiasatan dan kajian lanjut semasa fasa reka bentuk awal.
- iii. Pereka Utama akan mengedarkan Maklumat Pra-Pembinaan yang sesuai kepada Pereka dan Kontraktor.
- iv. Pereka utama dan pereka akan mengenalpasti jurang Maklumat Pra-Pembinaan apabila reka bentuk diteruskan.

- v. Pereka Utama akan mengumpulkan maklumat daripada Pereka, lengkap dengan maklumat Pengurusan Risiko Reka Bentuk, untuk diserahkan kepada Kontraktor Utama atau penender.
- vi. Pereka Utama akan terus mengumpul Maklumat Pra-Pembinaan daripada Pereka termasuk Kontraktor yang menjalankan reka bentuk) semasa Fasa Pembinaan, dan akan berhubung dengan Kontraktor Utama mengenai cara menguruskan risiko reka bentuk yang dikenal pasti semasa Fasa Pra-Pembinaan.

5.1.2 Pengurusan risiko reka bentuk

Pereka Utamaharus mengenal pasti, menghapuskan atau mengawal risiko pada kesihatan dan keselamatan yang boleh dijangka (setakat yang semunasabahnya praktik). Mereka mesti mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan untuk saiz dan jenis struktur yang mereka reka, supaya dapat bekerjasama dengan semua Pereka untuk mengenal pasti isu risiko kepada mereka yang membina, mengguna dan menyelenggara struktur. Ini tidak bermakna bahawa semua risiko mesti dihapuskan, atau semua risiko perlu dikenal pasti. Sekali lagi, ingat definisi 'setakat yang semunasabahnya praktikal'.

5.1.3 Kerjasama semua yang terlibat

Pereka Utama perlu memastikan kerjasama semua yang terlibat dalam projek. Oleh itu, mereka memerlukan kemahiran insani dan kemampuan menguruskan orang. Seorang Pereka Utama juga seringkali akan menjadi Pereka projek dan akan memegang peranan Pereka Utama dan Pereka. Pereka Utama mempunyai tugas untuk memastikan bahawa Pereka lain dalam projek itu juga mematuhi tugas mereka sebagai Pereka.

Pereka Utamaharus memastikan pemberianMaklumat Pra-Pembinaan yang sesuai dengan segera kepada semua Pereka dan semua Kontraktor yang dilantik oleh Klien. Mereka mesti menyampaikan Maklumat Pra-Pembinaan yang sesuai kepada Pereka dan Kontraktor di peringkat-peringkat lain dalam projek apabila maklumat itu tersedia.

5.1.4 Skop Peranan

Pereka Utama mesti bekerjasama dengan Kontraktor Utama selama tempoh pelantikan mereka. Dipermulaan, Pereka Utama boleh dilantik untuk memberikan perkhidmatan separa (contohnya, pengeluaran lukisan dan spesifikasi sahaja). Walau bagaimanapun, Klien mesti melantik Pereka Utama sepanjang Fasa Pra-Pembinaan berjalan. Senario berikut mungkin diaplikasikan:

- i. Sekiranya tiada reka bentuk atau reka bentuk kerja sementara lagi apabila Fasa Pra-Pembinaan telah berakhir, peranan Pereka Utama boleh dihentikan, dan Kontraktor Utama dapat melengkapkan Fail Kesihatan dan Keselamatan.
- ii. Sekiranya terdapat reka bentuk yang berterusan atau reka bentuk kerja sementara yang ditamatkan sebelum akhir projek, seorang Pereka Utama mesti dilantik (peranan dipegang oleh Klien secara *default* untuk projek komersial) semasa projek reka bentuk masih berterusan.
- iii. Sekiranya reka bentuk atau pelantikan Pereka Utama berlanjutan sehingga akhir projek, Fasa Pra-Pembinaan adalah sepanjang Fasa Pembinaan, dan pelantikan Pereka Utama perlu terus menjalankan Fasa Pembinaan supaya Pereka Utama dapat menyampaikan fail keselamatan dan kesihatan kepada Klien.
- iv. Peranan Pereka Utama boleh dipegang oleh Kontraktor Utama jika mereka mempunyai kemampuan.

6.0 PERANAN PEREKA

Pereka adalah salah satu kakitangan utama yang merancang, mengurus dan memantau kesihatan dan keselamatan dalam projek pembinaan komersial. Pereka mempunyai pengaruh yang kuat semasa peringkat konsep dan kebolehlaksanaan sesuatu projek. Keputusan terawal boleh menjejaskan keselamatan dan kesihatan mereka yang akan membina, menyelenggara, membaiki, membersihkan, membaikpulih dan akhirnya merobohkan sebuah bangunan. Keselamatan dan kesihatan mereka yang menggunakan bangunan sebagai tempat kerja juga mungkin terjejas.

Keputusan seperti memilih bahan yang lebih ringan untuk dikendalikan atau tingkap yang boleh dibersihkan daripada bahagian dalam boleh mengelakkan atau mengurangkan risiko yang adasemasa membina bangunan dan menyelenggara bangunan selepas pembinaan. Walaupun sisa-sisa risiko mungkin masih kekal, keputusan seperti ini mempunyai pengaruh yang penting terhadap keseluruhan prestasi keselamatan dan kesihatan projek serta penggunaan dan penyelenggaraan bangunan sebaik sahaja ia dibina.

Seorang pereka harus menangani isu-isu keselamatan dan kesihatan daripada awal lagi. Apabila isu-isu tidak dapat ditangani lebih awal, projek-projek boleh ditangguhkan, dan ia boleh menjadi jauh lebih sukar bagi kontraktor untuk mewujudkan cara bekerja denganselamat apabila mereka berada di tapak. Klien juga mungkin terpaksa membuat perubahan akhir yang mahal, supaya bangunan itu boleh digunakan dan diselenggarakan dengan selamat sebaik sahaja ia dibina.

Tugas-tugas pereka adalah:

- a) **Memaklumkan klien mengenai tugas mereka seperti yang telah ditetapkan dalam undang-undang, garis panduan dan/atau piawaian yang berkait.**

Pereka tidak boleh memulakan kerja reka bentuk melainkan mereka berpuas hati bahawa klien mengetahui tugas klien dalam garis panduan ini. Oleh itu, seorang pereka perlu mempunyai pengetahuan yang cukup tentang tugas klien untuk memberikan nasihat yang sepatutnya mengenai projek tersebut. Tanggungjawab ini boleh dipenuhi sebagai sebahagian daripada rutin perniagaan, sebagai contoh, dalam mesyuarat awal atau semasaberhubung dengan klien untuk membincangkan projek tersebut.

- b) **Memastikan mereka mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan;**

Pereka (termasuk individu dan peniaga perseorangan) sepatutnya dapat menunjukkan bahawa mereka mempunyai kemahiran keselamatan dan kesihatan, pengetahuan dan pengalaman untuk menjalankan kerja yang mereka akan dilantik.

Pereka disarankan untuk menggunakan soalan-soalan keselamatan dan kesihatan standard di *Lampiran 1 Soal Selidik Contoh Keupayaan OSH dalam Garis Panduan Pengurusan Kontrak* untuk menilai keupayaan mereka sendiri dan membekalkan dokumentasi yang relevan kepada klien untuk menyokong pembidaan untuk kerja. Soalan-soalan pra-kelayakan keselamatan dan kesihatan standard dalam *Spesifikasi Umum 91:2013 Perolehan berkaitan pembinaan*. Soal selidik pra-kelayakan juga boleh membantu untuk menjalankan penilaian diri sendiri.

Contohnya, sebagai tambahan kepada keupayaan reka bentuk teras yang berkaitan dengan peranan profesional pereka, pereka juga harus mempunyai:

- i. pengetahuan tentang undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kod amalan industri dan syarat-syarat pengawal-seliaan yang lain;
- ii. pemahaman tentang tujuan struktur itu dibina;
- iii. pengetahuan mengenai proses pengurusan risiko;
- iv. pengetahuan tentang standard reka bentuk teknikal;
- v. penghargaan terhadap kaedah pembinaan dan impak mereka terhadap reka bentuk; dan
- vi. keupayaan untuk mencari sumber dan mengaplikasikan data yang relevan mengenai dimensi, keupayaan dan kelakuan manusia.

Banyak projek-projek reka bentuk adalah terlalu besar dan kompleks untuk difahami sepenuhnya oleh satu orang sahaja. Pelbagai orang yang mempunyai kemahiran dan kepakaran tertentu mungkin perlu dimasukkan dalam pasukan reka bentuk atau dirunding semasa proses reka bentuk untuk mengisi sebarang jurang kemahiran, pengetahuan atau pengalaman, contohnya ahli pakar ergonomis, jurutera dan juruhigin (*hygienist*) pekerjaan.

c) Bekerjasama dengan orang lain yang terlibat dengan projek atau mana-mana projek di tapak bersebelahan;

Pereka perlu bekerjasama dengan pereka-pereka lain, termasuk pereka utama, supaya kerja dapat diselaraskan untuk menentukan bagaimana aspek-aspek reka bentuk yang berbeza

berinteraksi dan mempengaruhi keselamatan dan kesihatan. Ini termasuk pereka yang bekerja secara sementara dan kekal.

Pereka juga harus bekerjasama dengan kontraktor dan kontraktor utama supaya pengetahuan dan pengalaman mereka, sebagai contoh, sama ada pembinaan reka bentuk itu praktikal atau tidak, dapat diambil kira.

Bergantung pada jenis dan tahap kerja reka bentuk, mungkin ada keperluan untuk menjalankan kajian reka bentuk. Kajian membolehkan pasukan projek memberi tumpuan kepada isu-isu keselamatan dan kesihatan bersama aspek-aspek utama projek. Ia boleh dilakukan sebagai sebahagian daripada proses reka bentuk biasa. Keperluan kajian seperti ini mungkin diteruskan sepanjang projek walaupun kekerapan kajian ini dan tahap perincian yang dilindungi harus seimbang dengan skala dan kerumitan kerja reka bentuk.

d) Menyediakan maklumat kepada ahli-ahli lain dalam pasukan projek untuk membantu mereka melakukan tugas mereka.

Seorang pereka perlu menyediakan maklumat kepada pemegang tugas lain yang menggunakan atau membuat reka bentuk. Ini termasuk maklumat kepada:

- i. *pereka utama* tentang risiko penting berkaitan dengan reka bentuk yang tidak dapat dihapuskan, supaya ia boleh menjadi sebahagian daripada maklumat pra-pembinaan dan diambil kira dalam menyediakan atau menyemak semula fail keselamatan dan kesihatan;
- ii. *pereka-pereka lain*;

- iii. *kontraktor utama* (atau kontraktor dalam projek kontraktor-tunggal) yang mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan, menyemak dan menyemak semula pelan fasa pembinaan untuk projek; dan
- iv. *kontraktor-kontraktor* yang membina reka bentuk.

Pereka harus bersetuju dengan pereka utama tentang kerelaan untuk berkongsi maklumat bagi mengelakkan pengabaian atau pengulangan kerja.

Maklumat perlu diberikan pada masa yang sesuai. Sebagai contoh, dalam menyediakan pelan fasa pembinaan, maklumat itu perlu disediakan sebelum fasa pembinaan bermula.

e) Mempertimbangkan prinsip pencegahan umum dan maklumat pra-pembinaan, dengan tujuan untuk menghapuskan risiko yang boleh dikenal pasti.

Prinsip-prinsip umum pencegahan menyediakan rangka kerja di mana pereka harus mempertimbangkan reka bentuk mereka dan sebarang potensi risiko yang mungkin memberi kesan kepada:

- i. pekerja atau orang lain (sebagai contoh, orang awam) yang mungkin terlibat semasa pembinaan;
- ii. mereka yang akan menyelenggara atau membersihkan bangunan itu selepas ia dibina;
- iii. mereka yang menggunakan bangunan itu sebagai tempat kerja.

Ini bermaksud memikirkan penyelesaian reka bentuk untuk bahaya munasabah yang dapat dikenal pasti yang mungkin berlaku semasa struktur itu dibina, diserahkan, digunakan, diselenggara, dibaiki, diperbaharui atau diubahsuai, dibatalkan, dirobuhkan atau dirombak dan dilupuskan atau dikitar semula.

Reka bentuk yang disediakan untuk tempat kerja juga perlu mematuhi Peraturan Kilang dan Jentera (Keselamatan, Kesihatan dan Kebajikan), iaitu mengambil kira faktor-faktor seperti pencahayaan dan susun atur laluan trafik, atau peraturan lain yang berkaitan. Contohnya, apabila mereka-bentuk bangunan dengan lif untuk penghuni, reka bentuk juga harus termasuk ruang dan akses yang selamat ke lubang lif (*lift well*) atau bilik jentera (*machine room*) untuk kerja-kerja penyelenggaraan, berpandukan Peraturan Kilang dan Jentera (Lif Elektrik untuk Penumpang-penumpang dan Barang-barang).

Risiko keselamatan dan kesihatan perlu dipertimbangkan bersama dengan faktor lain yang mempengaruhi reka bentuk, seperti kos, kesesuaian untuk tujuan, nilai estetik dan impak terhadap alam sekitar. Bekerja dengan kontraktor (termasuk kontraktor utama) yang terlibat dalam projek dapat membantu mengenal pasti risiko berpotensi dan cara mengawal risiko-risiko itu.

Apabila risiko telah dipertimbangkan, tahap perincian dalam maklumat yang disediakan kepada mereka yang memerlukannya haruslah seimbang dengan risiko yang masih ada. Risiko yang tidak ketara biasanya boleh diabaikan, seperti risiko yang boleh timbul daripada aktiviti pembinaan harian, melainkan jika ia menyebabkan reka bentuk menjadi bertambah teruk atau ia mengubah risiko-risiko ini secara signifikan.

Jika ini tidak dapat dilakukan, ambil langkah-langkah untuk mengurangkan risiko atau kawal risiko melalui proses reka bentuk, dan sediakan maklumat mengenai risiko yang masih ada kepada pemegang tugas lain.

f) Jika risiko keselamatan dan kesihatan tidak dapat dihapuskan

Semasa menyediakan atau mengubah reka bentuk, pereka mesti memastikan maklumat yang sesuai diletakkan dalam fail keselamatan dan kesihatan mengenai langkah-langkah yang semunasabahnya praktik yang dapat dilaksanakan untuk mengurangkan atau mengawal risiko tersebut. Pereka harus menggunakan prinsip-prinsip di bawah ini untuk menentukan cara untuk mengurangkan atau mengawal risiko yang masih tinggal seperti:

- i. menyediakan pilihan yang kurang berisiko, contohnya, bertukar untuk menggunakan bahan turap yang ringan, bagi mengurangkan gangguan muskuloskeletal seperti masalah belakang;
- ii. menyediakan peruntukan supaya kerja boleh diaturkan untuk mengurangkan pendedahan kepada bahaya, sebagai contoh, memperuntukkan laluan-laluan trafik supaya halangan dapat disediakan antara pejalan kaki dan lalu lintas;
- iii. memastikan bahawa mereka yang bertanggungjawab untuk merancang dan menguruskan kerja diberi maklumat yang mereka perlukan untuk menguruskan risiko yang masih ada, contohnya, beritahu mereka tentang beban yang akan menjadi berat atau elemen bangunan yang boleh menjadi tidak stabil. Ini boleh dicapai melalui penyediaan maklumat penting pada lukisan atau dalam model, contohnya, dengan menggunakan Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM).

7.0 PERANAN PEREKA UTAMA (PD)

Dalam hubungan dengan klien dan kontraktor utama, pereka utama mempunyai peranan penting untuk mempengaruhi bagaimana risiko keselamatan dan kesihatan perlu diuruskan dan dimasukkan dalam pengurusan projek yang lebih luas. Keputusan mengenai reka bentuk yang dibuat semasa fasa pra-pembinaan boleh memberi kesan yang ketara iaitu sama ada projek itu dilaksanakan dengan cara yang menjamin keselamatan dan kesihatan ataupun tidak. Peranan pereka utama melibatkan penyelarasan kerja orang lain dalam pasukan projek untuk memastikan risiko yang signifikan dan boleh dijangkadapat diuruskan sepanjang proses reka bentuk.

Berdasarkan Garis Panduan OSHCIM 2017, tugas pereka utama merangkumi semua tugas pereka seperti yang diterangkan dalam Seksyen 5.0 dan tugas mereka turut merangkumi tugas khusus pereka utama iaitu:

- a) **Merancang, mengurus, memantau dan menyelaras fasa pra-pembinaan.**
 - i. Pereka utama bertanggungjawab untuk mengumpulkan maklumat pra-pembinaan dan menyediakannya kepada pereka dan kontraktor.
 - ii. Pereka utama bertanggungjawab untuk menyatukan para pereka seawal mungkin dalam projek itu, dan kemudiannya secara berkala, memastikan semua orang menjalankan tugasnya supaya hasil keselamatan dan kesihatan yang positif dapat dicapai.
 - iii. Jika pereka utama melantik mana-mana pereka, pereka utama harus memastikan yang pereka mempunyai kemahiran, pengetahuan, pengalaman yang mencukupi

dan (jika mereka adalah organisasi) mempunyai keupayaan organisasi untuk menjalankan kerja mereka.

- b) **Mengenal pasti, menghapuskan atau mengawal risiko yang boleh dijangka.** Mengambil kira prinsip umum pencegahan. Memudahkan Proses Kajian Reka Bentuk.
- c) **Memastikan pereka menjalankan tugas mereka.**
- d) **Menyediakan SHF dan kemudian mengkaji semula, mengemas kini dan menyemak semula apabila projek berjalan.**
- e) Berhubung dengan PC untuk membantu perancangan, pengurusan, pemantauan dan penyelarasan fasa pembinaan.
- f) **Memastikan penyelarasan dan kerjasama.**

Pereka utama hendaklah memastikan bahawa semua orang yang bekerja dalam fasa pra-pembinaan bekerjasama dengan klien, pereka utama dan antara satu sama lain. Mereka harus memastikan bahawa komunikasi yang berkesan berlaku, dan maklumat itu dikongsi bersama dalam pasukan projek dengan mengadakan mesyuarat dengan orang lain dalam pasukan reka bentuk. Mesyuarat kemajuan projek dengan klien dan kontraktor utama adalah sebahagian daripada cara untuk memastikan kerja dalam projek diselaraskan dengan betul.

Pereka utama hendaklah memastikan bahawa pereka melaksanakan tugas mereka. Pemeriksaan yang sesuai harus dibuat untuk memastikan pereka berurusan dengan risiko reka bentuk sewajarnya. Ini boleh dilakukan sebagai sebahagian daripada proses reka bentuk dan melalui mesyuarat kemajuan projek secara kerap.

Pereka utama juga harus memastikan bahawa pereka menyediakan maklumat mengenai elemen reka bentuk yang menunjukkan risiko penting yang tidak dapat dihapuskan. Ini

termasuklah maklumat tentang risiko yang luar biasa atau risiko kompleks yang mempunyai kecenderungan terlepas pandang atau disalah-fahami oleh kontraktor atau orang lain mengenai projek itu daripada risiko yang lebih diketahui dan difahami.

g) Bekerjasama dengan kontraktor utama (PC).

- i. PD mesti berhubung dengan PC selama tempoh perlantikan mereka. Semasa PCP mereka harus berkongsi maklumat yang boleh mempengaruhi perancangan, pengurusan, pemantauan dan penyelarasan fasa pembinaan – khususnya, maklumat yang diperlukan oleh kontraktor utama untuk menyediakan pelan fasa pembinaan.
- ii. Kerjasama ini juga perlu berterusan hingga fasa pembinaan untuk menangani reka bentuk yang sedang berjalan dan mendapatkan maklumat untuk fail keselamatan dan kesihatan. Ini boleh dilakukan dengan mengadakan mesyuarat kemajuan projek dengan kontraktor utama.
- iii. **Jika pelantikan PD tamat sebelum akhir projek**, PD hendaklah memastikan bahawa PC mempunyai semua maklumat yang diperlukan supaya mereka:
 1. Menyedari risiko yang belum dihapuskan dalam reka bentuk;
 2. Memahami cara yang digunakan untuk mengurangkan atau mengawal risiko-risiko tersebut;
 3. Memahami implikasi pelaksanaan kerja reka bentuk semasa menyiapkan projek yang selebihnya;

4. PD juga perlu mengatur penyerahan SHF kepada PC dan memberitahu mereka tentang apa-apa isu yang perlu diambil kira dalam mengkaji, mengemas kini dan menyiapkan projek.

Tugas Pereka Utama adalah **bukan** untuk:


- i. Menghantar pemberitahuan kepada DOSH atau memeriksa bahawa Klien telah berbuat demikian.
- ii. Menyemak kemahiran dan pengalaman Pereka atau Kontraktor kecuali PD melantik mereka secara langsung.
- iii. Menasihati Klien tentang pelantikan Pereka dan Kontraktor mereka, termasuk kemahiran, pengetahuan dan pengalaman mereka.
- iv. Menasihati Klien tentang aturan kesihatan dan keselamatan mereka untuk projek, termasuk kemudahan kebajikan.
- v. Menyemak atau meluluskan Pelan Fasa Pembinaan atau memeriksa bahawa ia telah dilaksanakan.
- vi. Melantik Kontraktor Utama.
- vii. Mengkaji atau meluluskan aturan kesihatan dan keselamatan di tapak, termasuk penyataan kaedah.
- viii. Mengambil keseluruhan tanggungjawab reka bentuk untuk projek – peranan Pereka Utam hanyalah untuk menguruskan kesihatan dan keselamatan semasa Fasa Pra-Pembinaan.
- ix. Mengawasi atau memantau kesihatan dan keselamatan di tapak – ini adalah tanggungjawab Kontraktor Utama.
- x. Menyemak atau meluluskan reka bentuk; peranan Pereka Utama melibatkan semakantentang risiko kesihatan dan keselamatan yang berpunca daripada proses reka bentuk.

8.0 PROSES PEMIKIRAN PEREKA & PEREKA UTAMA

Pengenal pastian pemegang tugas adalah berdasarkan tugas utama penjagaan bagi setiap pemegang tugas berdasarkan undang-undang Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, dan Akta Kilang dan Jentera 1967. Selain itu, ia juga menjadi dasar yang memasukkan peranan pemegang tugas dalam garis panduan OSHCIM berdasarkan dipertanggungjawabkan sebagai liabiliti vikarius.

Peranan dan tanggungjawab klien adalah meliputi apa yang mereka perlu lakukan, dan bagaimana proses kerja mereka. Proses kerja merangkumi keseluruhan kitaran hayat projek, yang terdiri daripada pra-pembinaan, pembinaan dan pasca-pembinaan. Bahagian ini akan menghuraikan tugas dan tanggungjawab klien berdasarkan fasa projek.

Nota panduan ini adalah berdasarkan Kontrak Tradisional (yang juga dikenali sebagai reka -bida-bina) serta Kontrak Reka & Bina, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6 dan Rajah 7. Kewajipan untuk reka bentuk untuk keselamatan bergantung kepada jenis kontrak seperti yang dinyatakan di bawah.



Rajah 6: Kontrak Tradisional




Figure 7: Kontrak Reka dan Bina

8.1 Fasa Pra-Pembinaan

Semasa fasa pra-pembinaan, pereka utama mesti:

- membantu menyediakan Maklumat Pra-Pembinaan bersama-sama dan berikan kepada Pereka dan Kontraktor yang terlibat.
- membantu Klien untuk mengumpulkan maklumat, mengenal pasti jurang dan membuat pertanyaan yang munasabah bagi mendapatkan maklumat mengenai premis mereka (bangunan dan tanah) dan persekitaran tempatan.
- Semasa pengumpulan Maklumat Pra-Pembinaan, Pereka Utama harus berjumpa dengan Pereka dan membincangkan sebarang isu yang timbul. Mereka mesti memastikan bahawa isu Pengurusan Risiko Reka Bentuk dibincangkan dalam mesyuarat kajian reka bentuk, mesyuarat pasukan, mesyuarat koordinasi kesihatan dan keselamatan dan bengkel untuk isu-isu tertentu dan komunikasi yang berterusan.
- Menjemput Kontraktor Utama ke mesyuarat pasukan reka bentuk untuk membincangkan penyelarasan antara reka bentuk

yang dilakukan semasa fasa pra-pembinaan dan reka bentuk yang dilakukan oleh Pereka lain semasa fasa pembinaan.

- e) Memastikan Maklumat Pra-Pembinaan yang dikumpulkan semasa Fasa Pra-Pembinaan dapat dimasukkan dalam lukisan. Selain daripada lukisan, dokumen juga harus disediakan jika diperlukan, yang memaklumkan tentang prosedur kecemasan, persekitaran sekitar dan aturan pengurusan Klien semasa pembinaan. Maklumat mengenai risiko yang penting patut ditekankan dalam lukisan dengan simbol dan penerangan ringkas.
- f) Pereka Utama harus menggunakan jadual untuk menyimpan rekod maklumat yang diperlukan seperti yang diterima. Ia haruslah meliputi kecukupan maklumat yang disediakan dan Tarikh resit dan sumber maklumat.
- g) Apabila Pereka Utama menerima maklumat tentang risiko ketara yang masih ada daripada Pereka, Pereka Utama hendaklah memastikan bahawa maklumat itu jelas, tepat dan berada dalam bentuk yang mudah difahami orang lain dan membuat keputusan sama ada maklumat itu perlu diletak pada lukisan reka bentuk atau tidak. Pereka Utama disarankan untuk menyimpan log tindakan Pereka.

8.1.1 Ringkasan Tugas Kritikal Pereka Utama

- a) Mengatur mesyuarat pra-reka bentuk dengan klien dan pereka;
- b) Memudahkan Proses Semakan Reka Bentuk dengan semua pemegang tugas;
- c) Dapatkan input kontraktor semasa fasa reka bentuk jika boleh;
- d) Mengambil bahagian dalam mesyuarat penyelarasan reka bentuk yang melibatkan semua bidang;
- e) Membantu klien dalam mengenal pasti, mendapatkan dan menyusun maklumat pra-pembinaan:-

Pastikan bahawa:

- i. Maklumat boleh dipercayai?
- ii. Sumbernya disahkan?
- iii. Status kesahihannya?
- iv. Ia telah digantikan oleh kerja-kerja seterusnya?
- v. Adakah terdapat apa-apa maklumat yang hilang (seperti rekod asbestos)?
- vi. Sama ada lawatan tapak akan membantu mengesahkan ketepatan maklumat tersebut atau tidak; (seperti lokasi akses terpencil)?
- vii. Adakah anda perlu menjalankan soal selidik atau siasatan lanjut?

NOTA: Ingat bahawa maklumat itu tidak disediakan berdasarkan kerja anda

- f) Menyediakan Maklumat Pra-Pembinaan kepada Pereka, Kontraktor Utama dan Kontraktor
- g) Memastikan Pereka menjalankan tugas mereka dan bekerjasama antara satu sama lain
- h) Bekerjasama dengan Kontraktor Utama selama tempoh bekerja;
- i) Menyediakan Fail Keselamatan dan Kesihatan;
- j) Tugas Pereka Utama berjalan tanpa mengira perjanjian kontrak bagi pelantikan pereka lain dan sama ada projek itu wajib dilaporkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan atau tidak. Jika Pereka Utama melantik Pereka lain, Pereka Utama bertanggungjawab bagi memastikan mereka mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang sesuai untuk menyiapkan kerja mereka.
- k) Kemas kini dan laporkan secara rasmi kepada Klien.

8.2 Fasa Pembinaan

Semasa fasa Pembinaan, Pereka Utama mesti:

- a) Menyediakan, mengemaskini dan menyelenggara Fail Keselamatan dan Kesihatan untuk projek mereka.
- b) Mempertimbangkan implikasi kesihatan dan keselamatan kerja reka bentuk dalam sesuatu projek, termasuk reka bentuk yang dibuat semasa fasa pembinaan, yang juga meliputi kerja-kerja sementara.
- c) Mengambil tahu tarikh yang dicadangkan dan tempoh pelantikan reka bentuk ini untuk menentukan sama ada tempoh itu mungkin mencukupi bagi Pereka untuk melaksanakan tugas mereka ataupun tidak.
- d) Memastikan kontraktor utama melakukan tugas mereka semasa pembinaan iaitu:
 - i. Menyediakan pelan fasa pembinaan untuk projek sebelum fasa pembinaan bermula (Rujuk **Lampiran 5**).
 - ii. Merancang, menguruskan, memantau dan menyelaraskan fasa pembinaan.
 - iii. Menyediakan induksi tapak yang sesuai.
 - iv. Mencegah akses yang tidak dibenarkan ditapak pembinaan.
 - v. Menyediakan kemudahan kebajikan.
 - vi. Bekerjasama dengan pereka utama.
 - vii. Berunding dan bekerjasama dengan pekerja.
- e) Memastikan Pelan Fasa Pembinaan telah siap sebelum pembinaan bermula.
- f) Memastikan kemudahan kebajikan berada di tempat yang sepatutnya termasuklah:
 - i. Kemudahan kebersihan;
 - ii. Kemudahan mencuci;
 - iii. Air minuman;

- iv. Bilik persalinan dan lokar.
- g) Memastikan pengurusan bahaya dan aturan kawalan risiko reka bentuk berfungsi. Pereka Utama harus sentiasa memastikan pengurusan risiko dan prinsip umum pencegahan dilaksanakan di tapak berdasarkan penemuan kajian reka bentuk konsep, kajian reka bentuk terperinci dan kajian pelan pra-pembinaan.
 - h) Memantau kerja kontraktor untuk memastikan mereka mengikuti reka bentuk selamat yang akhir.
 - i) Memastikan Kontraktor Utama membuat perancangan, pengurusan, pemantauan dan penyelarasan pelan fasa pembinaan yang sesuai.
 - j) ada sebarang pengubahsuaian reka bentuk dan perubahan di tapak, bekerjasama dengan Kontraktor Utama untuk mengkaji semula reka bentuk itu dan dapatkan kelulusan daripada Klien untuk pelaksanaan pembinaan.
 - k) Memastikan Kontraktor Utama menyediakan, menyelenggara dan mengemaskini secara tetap semua penyimpanan rekod termasuk Fail Keselamatan dan Kesihatan, Pelan Fasa Pembinaan dan dokumen-dokumen lain yang mengandungi pemeriksaan tapak, permit kerja dan lain-lain.
 - l) Memastikan Kontraktor Utama melaksanakan sistem pengurusan pembinaan yang baik di tapak secara berterusan dengan mengenal pasti, menghapuskan atau mengawal risiko yang boleh dijangka dan mempunyai program keselamatan dan kesihatan yang sesuai di tapak seperti program latihan, pemeriksaan dan pengauditan, dan kesediaan tindakan kecemasan.
 - m) Menyemak penyediaan dan aturan penyerahan. Semasa penyerahan tapak pembinaan kepada Klien, Pereka Utama hendaklah memastikan bahawa pentadbir kontrak telah mengesahkan bahawa kerja-kerja yang dinyatakan dalam kontrak adalah lengkap dan klien disediakan dengan:

- i. Maklumat Pra-Pembinaan, Pelan Fasa Pembinaan, dan Fail Keselamatan dan Kesihatan.
- ii. Manual operasi dan penyelenggaraan.
- iii. Spesifikasi reka bentuk terperinci bangunan.
- iv. Data ujian dan pentauliahan yang terkini.
- v. Semua sijil-sijil dan waranti-waranti yang berkenaan dengan kerja.
- vi. Lukisan seperti yang dibina daripada perunding dan pembekal dan kontraktor khusus (atau seperti yang dibuat dan dipasang). Atau model maklumat bangunan seperti yang dibina.
- vii. Salinan kelulusan berkanun, pengecualian, persetujuan dan syarat.
- viii. Sijil ujian peralatan untuk lif, eskalator, peralatan mengangkat, sistem sangga (*cradle*), dandang dan pengandung tekanan.
- ix. Lesen-lesen seperti lesen untuk menyimpan bahan kimia dan gas dan lesen mengambil air bawah tanah daripada telaga artes.
- x. Terma dan syarat untuk waranti dan perlindungan insurans bangunan.

8.3 Fasa Pasca-Pembinaan

Sekiranya pelantikan Pereka Utama berlanjutan sehingga ke peringkat ini, selepas fasa pembinaan, Pereka Utama hendaklah:

- a) Memastikan bahawa fail Keselamatan dan Kesihatan telah disediakan, diluluskan, dan diserahkan kepada Klien. Mereka juga harus memastikan bahawa Klien memahami struktur dan kandungan fail dan kepentingannya untuk projek seterusnya.
- b) Jika pelantikan pereka utama tamat sebelum akhir projek, mereka mesti menyerahkan fail tersebut kepada kontraktor utama yang

perlu bertanggungjawab ke atas fail itu. Mereka juga harus memastikan bahawaklien memahami struktur dan kandungan fail dan kepentingannya untuk projek seterusnya.

- c) Jika pelantikan pereka utama tamat sebelum akhir projek, mereka mesti menyerahkan fail tersebut kepada kontraktor utama yang perlu bertanggungjawab ke atas fail itu. Selain itu, pereka utama hendaklah memastikan kontraktor utama sedar tentang apa-apa isu tertunggak yang mungkin perlu diambil kira apabila menyemak, mengemas kini dan menyemak semula fail tersebut.
- d) Memastikan bahawa sebarang pengubahsuaian reka bentuk telah disemak oleh Kontraktor Utama dan dimaklumkan kepada klien dan pihak yang berkaitan.
- e) Berunding dengan jurutera profesional atau pakar-pakar lain jika perlu untuk menilai impak sebarang cadangan pengubahsuaian atau perubahan reka bentuk.
- f) Memastikan bahawa pereka menyediakan maklumat supaya tukang roboh dapat memahami struktur, laluan beban dan sebarang ciri yang diletakkan untuk membantu perobohan, serta ciri-ciri yang memerlukan teknik perobohan yang khusus.
- g) Jika pelantikan pereka utama tamat sebelum akhir projek, kontraktor utama harus mengambil tanggungjawab untuk memastikan bahawa fail itu disemak, dikemaskini dan disemak semula sepanjang fasa projek yang selebihnya. Pada akhir projek, kontraktor utama harus menyerahkan fail tersebut kepada klien. Mereka juga harus memastikan bahawa klien memahami struktur dan kandungan fail dan kepentingannya untuk projek seterusnya.

9.0 PENGURUSAN RISIKO REKA BENTUK

Tujuan pengurusan risiko adalah untuk meramalkan peristiwa kritikal dan akibatnya, mengurangkan, mengelakkan atau memindahkan risiko ke bahagian lain projek itu.


Beberapa pertimbangan reka bentuk yang akan menjadi sebahagian daripada maklumat untuk pengurusan risiko reka bentuk adalah:

- a) Apakah yang sedang dibina? Apa yang ia sepatutnya kelihatan seperti, dan apakah fungsinya?
- b) Di manakah projek dibina?
- c) Bahan apakah yang akan digunakan, dan bagaimanakah ia akan ditentukan?
- d) Bagaimanakah ia akan dibina, apakah risiko kepada pekerja tapak, pengguna dan/atau orang awam?
- e) Bilakah ia akan dibina, berapa lamakah masa yang diperlukan untuk membinanya atau berapa lamakah masa yang hendak diberikan oleh Klien?
- f) Apakah kekangan dan keadaan yang mempengaruhi reka bentuk dan pembinaan?
- g) Siapa lagi yang mereka bentuk projek ini, dan apakah unsur atau aspek yang mereka hadapi?
- h) Apakah yang sedang berlaku di tapak atau kawasan bersebelahan?
- i) Apakah yang akan terus dilakukan atau digunakan di tapak semasa Fasa Pembinaan?
- j) Adakah ini struktur yang akan digunakan sebagai tempat kerja dan/atau digunakan oleh orang awam?

Secara umum, pengenalan pastian bahaya dan penaksiran risiko adalah proses di mana pereka dan pereka utama akan memeriksa kerja reka

bentuk sepanjang projek sedang berjalan. Rajah 8 menerangkan aliran proses pengurusan risiko yang merangkumi:


- a) Pengenalpastian, penghapusan dan pengurangan bahaya dan risiko.
- b) Maklum balas berkadar terhadap bahaya dan risiko yang boleh dijangkakan.
- c) Memperuntukkan masa yang mencukupi untuk reka bentuk dan pembinaan (maklumat yang tepat kepada orang yang tepat pada masa yang sesuai).
- d) Menjalankan semakan reka bentuk sistematik pada tahap yang sesuai untuk memeriksa risiko dan isu yang penting dan menyelaraskan tindak balas pengurusan.
- e) Memastikan kerjasama yang berkesan dengan tapak bersebelahan.
- f) Mengekalkan rekod proses Pengurusan Reka Bentuk Reka yang mencukupi – bukan semuanya; hanya semua rekod yang penting sahaja.
- g) Menyemak maklumat bahaya dan risiko sebelum maklumat reka bentuk dikeluarkan.
- h) Menyediakan maklumat bahaya dan risiko dalam format yang jelas, ringkas dan sesuai.
- i) Bagaimanakah struktur ini akan diselenggara (risiko kepada pekerja tapak, penyelenggara, pengguna dan/atau orang awam)?
- j) Bagaimanakah struktur ini akan dibersihkan, diakses, diubah, diperbaharui, dibuang atau dirobuhkan?



Rajah 8: Prosedur pengurusan risiko reka bentuk dalam amalan

Proses pengurusan risiko (**Rajah 9**) adalah cara yang sistematik untuk membuat projek pembinaan yang selamat semunasabahnya praktik dan ia juga akan digunakan sebagai sebahagian daripada proses reka bentuk. Ia melibatkan langkah-langkah yang lengkap seperti berikut:

- a) Kenal pasti bahaya yang boleh dijangka yang berkaitan dengan reka bentuk,
- b) Menilai risiko yang timbul daripada bahaya,
- c) Menghapuskan atau meminimumkan risiko dengan membuat langkah-langkah kawalan,
- d) Menilai semula risiko dengan langkah kawalan yang telah dilaksanakan,
- e) Memantau dan menyemak langkah-langkah kawalan.



Rajah 9:Proses Pengurusan Risiko

9.1 Pengenal pastian Bahaya

Tujuan pengenal pastian bahaya adalah untuk membuat penekanan mengenai operasi kritikal tugas, iaitu tugas-tugas yang menimbulkan risiko yang ketara terhadap kesihatan dan keselamatan pekerja serta memberi penekanan tentang bahaya yang berkaitan dengan peralatan tertentu disebabkan oleh sumber tenaga, keadaan kerja atau aktiviti yang dilakukan.

9.1.1 Pertimbangan Jenis Bahaya

Bahaya boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan utama, iaitu bahaya kesihatan, bahaya keselamatan, dan bahaya alam sekitar.

- a) Bahaya keselamatan

Bahaya keselamatan adalah apa-apa daya yang cukup kuat untuk menyebabkan kecederaan, atau kerosakan kepada harta benda. Beberapa contoh bahaya keselamatan termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- i. bahaya tergelincir/tersandung (seperti wayar yang berselerak di lantai);
- ii. bahaya kebakaran (daripada bahan mudah terbakar);
- iii. bahagian bergerak daripada jentera, alat dan peralatan (seperti titik jepitan dan sepiit '*pinch& nip*');
- iv. kerja di tempat tinggi (seperti kerja yang dilakukan di atas perancah);
- v. semburan bahan (seperti daripada pengacuan);
- vi. sistem tekanan (seperti dandang stim dan paip);
- vii. kenderaan (seperti forklift dan trak);
- viii. kerja mengangkat dan operasi pengendalian manual yang lain; dan
- ix. bekerja sendiri.

b) Bahaya kesihatan

Bahaya kesihatan pekerjaan adalah agen yang boleh menyebabkan penyakit kepada individu. Bahaya kesihatan boleh menyebabkan kesan yang serius dan segera (akut), atau boleh menyebabkan masalah jangka panjang (kronik). Semua atau sebahagian tubuh mungkin terjejas. Seseorang yang mempunyai penyakit pekerjaan mungkin tidak dapat mengenal pasti gejala dengan segera. Contohnya, kehilangan pendengaran disebabkan bunyi bising amat sukar dikesan oleh individu yang terjejas sehinggalah ia makin teruk. Bahaya kesihatan termasuk bahan kimia (seperti asid bateri dan pelarut), bahaya biologi (seperti bakteria, virus, debu dan kulat), agen fizikal (sumber tenaga

yang cukup kuat untuk membahayakan tubuh, seperti arus elektrik, haba, cahaya, getaran, bunyi bising dan radiasi) dan bahaya reka bentuk kerja (ergonomik).

c) Bahaya alam sekitar

Bahaya alam sekitar adalah pelepasan kepada alam sekitar yang boleh menyebabkan kesan yang berbahaya atau mudarat. Pelepasan kepada alam sekitar mungkin tidak ketara. Contohnya, seorang pekerja yang mengalirkan sistem glikol dan melepaskan cecairnya ke dalam pemetung hujan mungkin tidak sedar tentang kesannya terhadap alam sekitar. Bahaya alam sekitar menyebabkan kemudaratan apabila kawalan dan prosedur kerja tidak dipatuhi.

9.1.2 Pertimbangan Risiko Tertentu

Pelan Fasa Pembinaan yang disediakan oleh kontraktor utama mesti merangkumi langkah-langkah khusus untuk menangani sebarang maklumat risiko yang disediakan oleh klien atau pereka utama berkait dengan risiko tertentu yang dikenal pasti dalam Garis Panduan OSHCIM 2017 dan disenaraikan di bawah. Pereka utama harus menbincangkantindakan terhadap risiko tertentu dengan kontraktor utama, kerana ia mungkin mempunyai kesan ke atas kebolehbinaan, penggunaan dan penyelenggaraan.

Maklumat berikut diambil daripada Garis Panduan OSHCIM 2017, Lampiran 4 – Kerja yang melibatkan risiko tertentu:

- a) Kerja yang meletakkan pekerja di bawah risiko tertanam di bawah runtuhan, terjerumus ke tanah paya atau jatuh dari ketinggian, di mana risikonya adalah sangat tinggi oleh sebab

- sifat kerja atau proses yang digunakan atau dengan persekitaran di tempat kerja atau tapak.
- b) Kerja yang menyebabkan pekerja terdedah pada risiko daripada bahan kimia atau biologi yang mewujudkan bahaya tertentu kepada keselamatan atau kesihatan pekerja atau melibatkan keperluan undang-undang untuk pemantauan kesihatan.
 - c) Bekerja dengan radiasi mengionkan.
 - d) Bekerja berhampiran talian elektrikbertvoltan tinggi.
 - e) Kerja-kerja yang mendedahkan pekerja kepada risiko lemas.
 - f) Bekerja di telaga, kerja tanah dibawah tanah dan terowong.
 - g) Kerja yang dilakukan oleh penyelam yang mempunyai sistem bekalan udara.
 - h) Kerja yang dijalankan oleh pekerja dalam kaisan dengan keadaan udara termampat.
 - i) Kerja yang melibatkan penggunaan bahan letupan.
 - j) Kerja yang melibatkan pemasangan atau pemisahan komponen pasang-siap yang berat.

Pereka utama mesti sentiasa memastikan bahawa maklumat mengenai kerja-kerja ini diketahui dan dikongsi kepada, pereka dan orang-orang lain dalam fasa pra-pembinaan. Maklumat mengenai apa-apa sisa kerja dan risiko (selepas pereka telah berusaha untuk menghapuskan risiko melalui proses reka bentuk yang berikutnya) hendaklah diberikan kepada kontraktor dan kontraktor utama pada masa yang tepat untuk membolehkan maklumat itu diambil kira dalam memperuntukkan sumber, termasuk masa dan wang. Maklumat ini akan menjadi sebahagian daripada maklumat pra-pembinaan.

Tujuan proses pengurusan risiko reka bentuk dalam fasa pra-pembinaan adalah untuk menyediakan reka bentuk yang memenuhi semua keperluan kesihatan dan keselamatan, dan yang menjadikan

bangunan, menggunakan bangunan, menyelenggara dan merobohkan projek itu selamat untuk pekerja dan pengguna.

Pereka utama harus memastikan, setakat yang semunasabahnya praktikal, bahawa risiko yang dapat dijangka untuk keselamatan dan kesihatan telah dikenal pasti. Ia akan melibatkan pereka utama bekerjasama dengan pereka lain yang terlibat dengan projek itu. Jadual 1 menyenaraikan risiko yang dijangka yang mungkin timbul ketika menjalankan kerja pembinaan; atau semasa penyelenggaraan, pembersihan atau penggunaan bangunan sebagai tempat kerja sebaik sahaja ia siap dibina.

Jadual 1: Kerja Pembinaan Kritikal

Risiko yang boleh dijangka daripada projek yang boleh datang daripada kelompok bahaya yang luas. Senarai berikut boleh digunakan untuk membantu mengenal pasti bahaya dan mengawal risiko yang boleh dijangka yang berkaitan dengan reka bentuk struktur sepanjang kitaran hayatnya.	
Kerja tanah <ul style="list-style-type: none"> • Penggalian (contohnya, risiko daripada runtuhan bumi atau timbusan tanah) • Lokasi perkhidmatan bawah tanah 	Keselamatan struktur <ul style="list-style-type: none"> • Binaan rangka keluli atau rangka konkrit • Keperluan galas beban • Kestabilan dan integriti struktur
Pergerakan manusia dan bahan-bahan <ul style="list-style-type: none"> • Akses masuk dan keluar selamat, termasuk untuk orang kurang upaya • Pengurusan trafik • Ruang panggah dan tanjakan • Lintasan selamat 	Tugas-tugas manual <ul style="list-style-type: none"> • Kaedah pengendalian bahan • Kebolehcapaian pengendalian bahan • Dok panggah dan kemudahan penyimpanan • Ruang dan susun atur tempat kerja untuk mengelakkan

<ul style="list-style-type: none"> • Zon pengecualian • Keselamatan tapak 	<p>gangguan muskuloskeletal, termasuk memudahkan penggunaan alat bantuan mekanikal</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemasangan dan pemisahan lekapan dan lengkapan pasang siap
<p>Keselamatan elektrik</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembumian pemasangan elektrik • Lokasi kabel kuasa bawah tanah dan kabel atas • Perlindungan petunjuk/ Nombor kabel dan lokasi punca kuasa 	<p>Dedahan kebisingan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pendedahan kepada bunyi bising daripada loji atau daripada kawasan sekitarnya
<p>Loji</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lokasi kren menara, pemuatan dan pemunggahan • Beban kren bergerak pada papak • Loji dan jentera yang dipasang di dalam bangunan atau struktur • Loji dan peralatan pengendalian bahan • Akses penyelenggaraan untuk loji dan peralatan • Pengadang loji dan jentera • Pemasangan lif 	<p>Bahan-bahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dedahan terhadap bahan berbahaya termasuk bahan penebat dan hiasan • Dedahan terhadap sebatian organik meruap dan pengeluaran gas beracun melalui penggunaan produk atau cat kayu komposit • Dedahan terhadap debu dan asap yang beracun/merengsa • Penyimpanan dan penggunaan bahan kimia berbahaya, termasuk produk pembersihan
<p>Pencegahan jatuh</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rel adang (<i>guard rail</i>) • Ketinggian tingkap dan pembersihan • Tempat sokongan untuk 	<p>Persekitaran kerja</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengudaraan untuk keselesaan terma (<i>thermal</i>) dan kualiti udara umum dan keperluan pengudaraan khusus bagi kerja yang akan dilakukan di premis

<p>penyelenggaraan dan pembersihan bangunan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Akses kepada ruang kerja untuk pembinaan, pembersihan, penyelenggaraan dan pembaikan • Perancah • Platform kerja sementara • Bahan atap dan ciri-ciri permukaan seperti kerapuhan, tahan gelincir dan kecuraman bumbung 	<ul style="list-style-type: none"> • Suhu • Pencahayaan termasuk bilik loji • Ciri akustik dan kawalan bunyi bising, contohnya, pengasingan, penebat dan penyerapan bunyi bising • Tempat duduk • Permukaan lantai untuk mengelakkan daripada tergelincir dan tersandung • Ruang untuk penghuni
<p>Kemudahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Akses kepada pelbagai kemudahan seperti penyimpanan, bilik pertolongan cemas/ bilik sakit, bilik rehat, tempat makan dan penginapan serta air minuman 	<p>Risiko spesifik</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pendedahan kepada radiasi, contohnya, radiasi elektromagnet • Pendedahan kepada bahaya biologi • Keletihan • Bekerja sendiri
<p>Kebakaran dan kecemasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Risiko kebakaran • Pengesanan kebakaran dan pencegahan kebakaran • Laluan dan pintu keluarkecemasan • Keupayaan struktur untuk bertahan dalam kebakaran • Kemudahan kecemasan lain 	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan bahan peledak • Ruangan terkurung • Kerja di atas dan di dalam air, termasuk menyelam dan bekerja di dalam kaison dengan bekalan udara termampat.

9.1.3 Metodologi Pengenal pastian dan PenaksiranBahaya

- a) Metodologi pengenal pastian dan penaksiran bahaya hendaklah termasuk:
 - i. Langkah-langkah dan rangka masa untuk mengenal pasti dan menilai bahaya (iaitu siapa yang bertanggungjawab untuk pengenal pastian bahaya; individu atau jawatankuasa; tempoh masa untuk siap mengenal pasti bahaya).
 - ii. Penyimpanan rekod bahaya.
 - iii. Rangka masa untuk menyemak dan, jika perlu, menyemak semula metodologi (iaitu semakan kaedah pengenal pastian akan dijalankan setiap tiga tahun).

- b) Beberapa contoh teknik yang boleh digunakan untuk mengenal pasti bahaya termasuk:
 - i. pemeriksaan tempat kerja;
 - ii. analisis keselamatan tugas atau analisis bahaya kerja;
 - iii. siasatan permulaan;
 - iv. faktor kemalangan yang berpotensi;
 - v. analisis kegagalan;
 - vi. siasatan kemalangan dan insiden.

Anda boleh melaksanakan proses dan teknik pengenal pastian anda sendiri supaya ia sepadan dengan prosedur pengurusan dan saiz projek anda. Walau bagaimanapun, bagi pengenal pastian bahaya yang berkaitan dengan reka bentuk, panduan ini mencadangkan Pereka dan Pereka Utama untuk menggunakan Senarai Semak Analisis Bahaya Awal (**Lampiran 9**).

9.2 Analisis Bahaya dan Penaksiran Risiko (HAZAN)

Risiko adalah penetapan kemungkinan (*likelihood*) dan ketenatan (*severity*) turutan kemalangan/kejadian yang boleh dipercayai untuk menentukan magnitud dan mengutamakan bahaya yang dikenal pasti. Ia boleh dilakukan melalui kaedah kualitatif, kuantitatif atau semi kuantitatif.

9.2.1 Analisis Bahaya

Dalam **analisis semi kuantitatif**, objektifnya adalah untuk menghasilkan skala pemeringkatan (*ranking*) yang lebih luas daripada yang biasanya dicapai dalam analisis kualitatif, bukan untuk mencadangkan nilai realistik untuk risiko seperti yang diguna dalam analisis kuantitatif.

Analisis kuantitatif menggunakan nilai berangkaan (bukannya skala deskriptif yang digunakan dalam analisis kualitatif dan semi kuantitatif) untuk ketenatan dan kemungkinan menggunakan data daripada pelbagai sumber seperti maklumat berdasarkan kemalangan yang pernah berlaku dan daripada penyelidikan saintifik.

Ketenatan boleh ditentukan dengan memodelkan natijah peristiwa atau set peristiwa, atau dengan ekstrapolasi daripada kajian eksperimen atau data lampau. Ketenatan boleh dinyatakan daripada segi kriteria kewangan, teknikal atau kesan pada manusia, atau mana-mana kriteria lain. Ketenatan dan kemungkinan diberikan nilai dan apabila ia digabungkan ia akan memberikan tahap risiko yang berbeza-beza bergantung pada jenis risiko dan tujuan penggunaan hasil penaksiran risiko.

Dalam garis panduan ini kaedah semi kuantitatif digunakan sebagai contoh.

a) Kemungkinan sesuatu Kejadian;

Nilai ini didasarkan pada kemungkinan sesuatu kejadian itu akan berlaku. Anda boleh bertanya soalan "Berapa kali peristiwa ini pernah berlaku?" Pentaksiran kemungkinan adalah berdasarkan pengalaman, analisis atau pengukuran pekerja. Tahap kemungkinan melingkungi daripada "paling mungkin" hinggalah "tidak dapat dijangka".

Contohnya, tumpahansedikit peluntur daripada bekasnya ketika mengisi botol semburan adalah paling mungkin terjadi pada setiap syif. Sedangkan, kebocoran bahan api diesel daripada tangki penyimpanan yang selamat adalah tidak dapat dijangka.

Jadual 2:Contoh Kemungkinan

KEMUNGKINAN (L)	CONTOH	KADAR
Paling mungkin	Bahaya/ kejadian yang paling mungkin berlaku	5
Mungkin	Mungkin boleh berlaku dan bukannya luar biasa	4
Dapat dijangka	Mungkin berlaku pada masa akan datang	3
Jarang sekali	Belum diketahui berlaku selepas beberapa tahun	2
Tidak dapat dijangka	Boleh dikatakan mustahil dan tidak pernah berlaku	1

b) Ketenatan Bahaya

Ketenatan boleh dibahagikan kepada lima kategori. Ketenatan adalah berdasarkan peningkatan tahap ketenatan kepada kesihatan individu, alam sekitar, atau harta benda. **Jadual 3** menunjukkan contoh ketenatan:

Jadual 3: Contoh Ketenatan

KETENATAN (S)	CONTOH	KADAR
Malapetaka	Banyak kematian, kerosakan harta benda dan pengeluaran tidak dapat dipulihkan	5
Maut	Kira-kira satu kematian, kerosakan besar harta benda jika bahaya berlaku	4
Serius	Kecederaan yang tidak membawa maut, hilang upaya kekal	3
Ringan	Menyebabkan hilang upaya tetapi bukan kecederaan kekal	2
Sedikit sahaja	Sedikit lelasan, lebam, luka, kecederaan jenis rawatan kecemasan	1

9.2.2 Penaksiran Risiko

Risiko boleh ditaksirkan dalam pelbagai cara bagi menunjukkan keputusan analisis untuk membuat keputusan mengenai kawalan risiko. Untuk analisis risiko yang menggunakan kemungkinan dan ketenatan dalam kaedah kualitatif, pembentangan hasil analisis melalui matriks risiko adalah cara yang sangat berkesan untuk taburan risiko di seluruh loji dan kawasan di tempat kerja.

Risiko boleh dikira menggunakan formula berikut:

$$L \times S = \text{Risiko Relatif}$$

L = Kemungkinan

S = Ketenatan

Untuk menggunakan matriks ini, mula-mula cari lajur ketenatan yang paling melambangkannatijah risiko. Kemudian ikuti baris kemungkinan untuk mencari kadar yang paling sesuai dengan kemungkinan keterukan itu akan berlaku. Tahap risiko ditunjukkan di dalam kotak baris dan lajur bertemu.

Jadual 4: Jadual Matriks Risiko

Kemungkinan (L)	Ketenatan (S)				
	1	2	3	4	5
5	5	10	15	20	25
4	4	8	12	16	20
3	3	6	9	12	15
2	2	4	6	8	10
1	1	2	3	4	5


Nilai risiko relatif boleh digunakan untuk memberi keutaaman pada tindakan yang diperlukan untuk menguruskan bahaya tempat kerja dengan berkesan. Jadual 5 menentukan keutamaan berdasarkan julat berikut.

Jadual 5:Penilaian Tindakan

RISIKO	HURAIAN	TINDAKAN
15 – 25	TINGGI	Risiko TINGGI memerlukan tindakan segera untuk mengawal bahaya mengikut hierarki kawalan. Tindakan yang diambil mestilah didokumentasikan pada borang penaksiran risiko termasuk tarikh siap.
5 – 12	SEDERHANA	Risiko SEDERHANA memerlukan pendekatan terancang bagi mengawal bahaya dan mengguna-pakai langkah sementara jika perlu. Tindakan yang diambil mestilah didokumentasikan pada borang penaksiran risiko termasuk tarikh siap.
1 – 4	RENDAH	Risiko RENDAH dapat dianggap sebagai boleh diterima dan pengurangan selanjutnya tidak diperlukan. Walau bagaimanapun, jika risiko tersebut dapat diselesaikan segera secara berkesan, langkah-langkah kawalan hendaklah dilaksanakan dan direkodkan.

9.3 Pengawalan Risiko

Hierarki kawalan telah digunakan sebagai cara menentukan kaedah untuk menjalankan penyelesaian kawalan yang boleh dilaksanakan dan berkesan. Cara kawalan mesti melindungi pekerja daripada sebarang bahaya baru yang timbul.



Rajah 10: Hierarki Kawalan

9.3.1 Jenis-jenis Kawalan

Jenis-jenis kawalan pada sumber bahaya:

- a) **Penghapusan**– Menghapuskan kerja, alat, proses, mesin atau bahan yang berbahaya mungkin cara yang terbaik untuk melindungi pekerja. Contohnya, apabila mereka bentuk, seorang pereka harus mempertimbangkan pendedahan risikoterhadap orang yang membina bangunan dan orang yang menggunakannya sebaik sahaja ia dibina. Mereka-bentuk adalah proses yang sering diteruskan sepanjang projek dan soalan-soalan berikut harus dipertimbangkan apabila menjalankan proses reka bentuk:
 - i. Bolehkah saya terus menyingkirkan masalah (atau bahaya)? Contohnya, bolehkah loji penyaman udara di atas bumbung dipindahkan ke aras tanah, supaya kerja di tempat tinggi tidak diperlukan untuk pemasangan atau penyelenggaraan?
 - ii. Sekiranya tidak, bagaimanakah saya dapat mengurangkan atau mengawal risikonya, supaya bahaya tidak mungkin berlaku ataupun kemungkinan akibat yang kurang serius? Contohnya, bolehkah saya meletakkan loji penyaman udara itu di dalam bangunan di atas bumbung, atau membuat penghadang di sekitar bumbung?
- b) **Penggantian**– Kadang-kadang ada cara yang kurang berbahaya untuk membuat kerja yang sama. Contohnya, jika bahaya tidak dapat dihapuskan, seorang pereka boleh:
 - i. menyediakan pilihan yang kurang berisiko, contohnya, bertukar untuk menggunakan bahan turap yang ringan, bagi mengurangkan gangguan muskuloskeletal seperti masalah belakang;

- ii. menyediakan peruntukan supaya kerja boleh diaturkan untuk mengurangkan pendedahan kepada bahaya, sebagai contoh, memperuntukkan laluan-laluan trafik supaya halangan dapat disediakan antara pejalan kaki dan lalu lintas;
 - iii. memastikan bahawa mereka yang bertanggungjawab untuk merancang dan menguruskan kerja diberi maklumat yang mereka perlukan untuk menguruskan risiko yang masih ada, contohnya, beritahu mereka tentang beban yang akan menjadi berat atau elemen bangunan yang boleh menjadi tidak stabil. Ini boleh dicapai melalui penyediaan maklumat penting pada lukisan atau dalam model, contohnya, dengan menggunakan Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM).
- c) **Kawalan kejuruteraan** –Sekiranya penghapusan atau penggantian tidak boleh digunakan, kawalan kejuruteraan adalah salah satu langkah kawalan untuk mengurangkan risiko. Antara contoh-contoh kawalan kejuruteraan ialah:
- i. Reka bentuk semula – Pekerjaan dan proses boleh dilakukan semula untuk menjadikannya lebih selamat. Contohnya, bekas boleh dibuat supaya ia lebih mudah untuk dipegang dan diangkat.
 - ii. Pengasingan – Jika bahaya tidak dapat dihapuskan atau diganti, kadang-kadang ia boleh diasingkan, dibendung atau dijauhkan daripada pekerja. Sebagai contoh, sebuah bilik kawalan yang bertebat dan berhawa dingin boleh melindungi operator daripada bahan kimia toksik.
 - iii. Automasi – Proses berbahaya boleh dilakukan secara automatik atau alat berjentera. Contohnya, robot kawalan-komputer boleh mengendalikan operasi kimpalan titik. Walau bagaimanapun, penjagaan mesti

dibuat untuk melindungi pekerja daripada bahaya robotik.

- iv. Halangan – Bahaya boleh disekat sebelum ia mencapai pekerja. Sebagai contoh, langsir khas boleh mencegah kecederaan mata daripada radiasi kimpalan arka. Peralatan pengadang yang betul akan melindungi pekerja daripada tersangkut di bahagian jentera yang bergerak.
- v. Penyerapan – Sesekat (*baffle*) boleh menyekat atau menyerap bunyi bising. Sistem sekat masuk (*lockout*) boleh mengasingkan sumber tenaga semasa proses pembaikan dan penyelenggaraan. Biasanya, kawalan yang lebih berkesan adalah kawalan yang dapat menjauhkan bahaya daripada pekerja (semakin besar jarak).
- vi. Pencairan – Sesetengah bahaya boleh dicairkan atau dilesapkan. Contohnya, sistem pengudaraan boleh mencairkan gas toksik sebelum iasampai kepadaoperator.

d) Kawalan pentadbiran


- i. Prosedur kerja selamat – Pekerja boleh diarah untuk menggunakan amalan keselamatan terpiawai. Majikan perlu memastikan pekerja mematuhi amalan ini. Prosedur kerja mesti disemak dengan pekerja secara berkala dan dikemas kini.
- ii. Penyeliaan dan latihan – Latihan awal mengenai prosedur kerja selamat dan latihan penyegaran perlu ditawarkan. Penyeliaan yang sesuai untuk membantu pekerja dalam mengenal pasti bahaya yang mungkin berlaku dan menilai prosedur kerja.

- iii. Penggiliran kerja dan prosedur lain boleh mengurangkan masa pekerja terdedah kepada bahaya. Sebagai contoh, pekerja boleh bergilir jika perlu melakukan pekerjaan yang memerlukan pergerakan berulang dan otot untuk mencegah kecederaan trauma kumulatif. Proses yang bising boleh dijadualkan apabila tiada sesiapa di tempat kerja.
 - iv. Program perkemasan (*housekeeping*), pembaikan dan penyelenggaraan – Perkemasan termasuk pembersihan, pelupusan sisa dan pembersihan tumpahan. Jika alatan, peralatan dan jentera tetap dijaga bersih dan diselenggara dengan baik, ia kurang cenderung menyebabkan kecederaan.
 - v. Kebersihan – Amalan kebersihan boleh mengurangkan risiko bahan toksik daripada diserap oleh pekerja atau dibawa pulang ke rumah mereka. Pakaian daripada rumah harus disimpan di lokar berasingan untuk mengelakkan ia dicemar oleh pakaian kerja. Kawasan makan mesti diasingkan daripada bahaya toksik. Selain itu, dilarang makan di kawasan kerja toksik. Jika perlu, pekerja perlu diarah untuk mandi dan menukar pakaian semasasyif tamat.
- e) **Kelengkapan perlindungan diri** – Kelengkapan perlindungan diri (PPE) hanya digunakan apabila langkah-langkah kawalan lain tidak boleh dilaksanakan dan perlindungan tambahan diperlukan. Pekerja mesti dilatih untuk menggunakan dan menyelenggara peralatan dengan betul. Majikan dan pekerja mesti memahami batasan PPE. Majikan perlu memastikan pekerja menggunakan PPE apabila perlu. Penjagaan harus dibuat bagi memastikan peralatan berfungsi dengan baik. Jika

tidak, PPE boleh membahayakan kesihatan pekerja dengan menyediakan ilusi perlindungan.

9.4 Strategi Pengurangan Risiko berdasarkan Hierarki Kawalan


Pereka hendaklah mengintegrasikan pengenalanpastian, pentaksiran dan pengawalan risiko dalam proses reka bentuk. Pereka harusmelaksanakan strategi pengurangan risiko setakat yang semunasabahnya praktik berdasarkan hierarki kawalan seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 11**.



Rajah 11: Strategi pengurangan risiko berdasarkan hierarki kawalan

9.4.1 Mengintegrasikan Reka Bentuk dan Pengurusan Risiko untuk Proses Semakan Reka Bentuk

Proses semakan reka bentuk adalah pendekatan sistematik yang mengintegrasikan proses pengurusan risiko dalam fasa reka bentuk dan menggalakkan kerjasama antara klien, pereka, dan pembina. (Rajah 12)



Rajah 12: Mengintegrasikan Reka Bentuk dan Pengurusan Risiko

9.5 Menyampaikan Risiko Sisa

Semakan reka bentuk kawalan risiko secara idealnya akan mempertimbangkan prinsip-prinsip di atas dalam menentukan inisiatif untuk **MEREKA BENTUK TANPA RISIKO** dan jika tidak mampu, minimumkan risiko setakat yang semunasabahnya praktikal dan sediakan maklumat **RISIKO SISA** kepada **KONTRAKTOR** dalam **cara rasmi**.

Apabila **KAWALAN RISIKO** yang dicadangkan digunakan, maklumat risiko sisa hendaklah **DIMAKLUMKAN** kepada **orang yang terlibat**.

Orang yang terlibat adalah mereka yang terjejas oleh bangunan tersebut (termasuk orang yang membina, mengubah, merobohkan, menghuni atau menyelenggara bangunan itu, atau orang yang berkunjung atau berhampir dengan bangunan itu).

Terdapat individu yang berbeza terlibat pada setiap peringkat pembangunan bangunan (iaitu pembinaan, penggunaan/penghunan/penyelenggaraan/ perubahan, dan pembubaran dan perobohan), dan setiap peringkat harus dipertimbangkan dalam Semakan Reka Bentuk.

Maklumat ini hendaklah direkodkan dalam Fail Keselamatan & Kesihatan dan dokumen yang berkaitan; melakukan **NOTA MAKLUMAN** secara rasmi; ianya lebih berkesan dengan menambah 'nota makluman' keselamatan kepada maklumat reka bentuk yang akan dirujuk oleh orang-orang yang terlibat. Sebagai contoh:

- A. 'Nota makluman' untuk pekerja pembinaan sebaiknya diintegrasikan dalam lukisan kerja, lukisan kedai, spesifikasi, pernyataan kaedah, dan lain-lain yang dirujuk pekerja semasa menjalankan kerja mereka.

- B.** 'Nota makluman' bagi kakitangan penyelenggaraan sebaiknya diintegrasikan dalam lukisan santir dan/atau prosedur pengendalian/arahan dalam operasi & manual penyelenggaraan.

'Nota makluman' khususnya berusaha untuk memastikan orang yang terlibat menyedari risiko ketara yang harus mereka hadapi dan langkah keselamatan yang tersedia untuk mereka dalam menjalankan aktiviti mereka.

10.0 PROSEDUR KAJIAN REKA BENTUK

Objektif kajian reka bentuk adalah untuk mengenal pasti risiko yang ketara, berkadaran dan membawa kepada pengurangan birokrasi yang tidak perlu, kerja pasukan yang lebih baik, dan pengurusan projek yang lebih baik yang menggalakkan kualiti dan nilai yang lebih baik untuk semua orang.


Kajian reka bentuk termasuklah menganalisis butiran yang relevan dan bekerjasama dengan orang lain untuk mengenal pasti risiko yang ketara, mengurangkan impak mereka, merekodkan penemuan penting dan menghasilkan maklumat yang sesuai untuk disampaikan.

Prosedur kajian reka bentuk meliputi peranan setiap pemegang tugas dan akan melalui tiga peringkat:

- a) Kajian Reka Bentuk Konsep
- b) Kajian Reka Bentuk Terperinci
- c) Kajian Pelan Pra-Pembinaan

Setiap peringkat memerlukan maklumat dan dokumentasi yang dihasilkan dan disampaikan oleh setiap pemegang tugas.

Pereka hendaklah mengambil kira pendekatan sistematik yang ditunjukkan dalam Rajah 13 atau proses yang setara yang memenuhi objektif prinsip pengurusan risiko.



Rajah 13: Pengurusan Risiko Sistematik

Teknik yang baik boleh diambil daripada gabungan tindakan berikut:

- Menjalankan bengkel dan perbincangan dengan kakitangan yang menggunakan atau menjalankan kerja untuk struktur yang serupa dalam organisasi klien dan pemegang taruh jika perlu;
- Menjalankan penaksiran tapak pada struktur yang serupa dengan menggunakan maklum balas daripada pengguna struktur dan kemudahan serupa yang sedia ada;
- Maklumat atau laporan penyelidikan daripada struktur yang sama mengenai bahaya dan sumber maklumat yang relevan

- dan kumpulan pemegang taruh, kemudian lengkapkan analisis untuk keperluan reka bentuk sendiri;
- d) Mengadakan bengkel dengan kakitangan berpengalaman yang akan membina, mengguna dan menyelenggara struktur baru;
 - e) Mengendalikan bengkel dengan perunding pakar dan pakar tentang bahaya. Semak dengan kakitangan OSH untuk menghapuskan risiko atau menggunakan pengajaran yang diperoleh, masa untuk semakan reka bentuk akan berbeza berdasarkan jenis kontrak projek seperti Kontrak Tradisional (reka bentuk-bida-bina) dan, Kontrak Reka dan Bina.

Oleh kerana reka bentuk sedang dijalankan dan perincian dikembangkan ke peringkat seterusnya, terdapat peluang untuk menyemak dan mengesahkan keputusan untuk memastikan keberkesanan kawalan yang diterima pakai dalam penyelesaian reka bentuk. Biasanya lebih mudah untuk membetulkan atau menghapuskan risiko seawal mungkin.


Semakan keselamatan reka bentuk ini melibatkan orang yang akan membina, menggunakan dan menyelenggara aset tersebut. Semakan ini akan memberi tumpuan terhadap pelbagai peringkat kitaran hayat, termasuk:

- a) reka bentuk untuk pembinaan yang selamat;
- b) reka bentuk untuk memudahkan penggunaan yang selamat;
- c) reka bentuk untuk penyelenggaraan yang selamat;
- d) reka bentuk untuk pengubahsuaian, perobohan, perombakan dan pelupusan.

Penerimaan proses semakan reka bentuk yang akan dijalankan bergantung kepada kaedah pemerolehan yang digunakan untuk projek seperti yang digambarkan dalam **Rajah 14** dan **Rajah 15** di bawah.



Rajah 14: Proses Kajian Reka Bentuk untuk Kontrak Tradisional



Rajah 15: Proses Kajian Reka Bentuk untuk Kontrak Reka dan Bina

10.1 Gambaran Keseluruhan Prosedur Kajian Reka Bentuk

a) PERATURAN 1: Kajian Reka Bentuk Konsep

Kajian reka bentuk konsep akan menilai daripada perspektif keseluruhan projek termasuk tetapi tidak terhad kepada lokasi tapak, laluan trafik akses awam, dan jenis bangunan di persekitaran, landskap dan kekangan umum yang lain sahaja.

PERATURAN 1 merekodkan bahaya dan risiko yang timbul daripada reka bentuk dan penerangan tentang langkah-langkah kawalan risiko yang boleh diambil (contohnya, bahan yang digunakan, konsep struktur, dan sistem kerja yang selamat akan dipertimbangkan).

b) PERATURAN 2: Kajian Reka Bentuk Terperinci, Penyelenggaraan dan Pembaikan

Kajian reka bentuk terperinci, operasi, penyelenggaraan dan pembaikan harus melihat pada reka bentuk seni bina dan struktur bangunan yang terperinci. Kajian ini harus menentukan risiko yang terlibat dalam kaedah pembinaan, akses dan jalan keluar, dan sama ada reka bentuk akan mewujudkan ruangan terkurung atau bahaya lain. Risiko yang berkaitan dengan penyelenggaraan dan pembaikan bangunan, seperti kaedah pembersihan, juga perlu dikaji.

PERATURAN 2 merekodkan risiko dan langkah-langkah seperti:

- **Maklumat yang disediakan oleh Kontraktor** mengenai pengurangan risiko dan bahaya;
- **Bahaya sisa (*residual*) yang dibawa** ke fasa penyelenggaraan; dan
- **Kaedah penyelenggaraan bangunan, struktur atau peralatan.**

Untuk kontrak reka bentuk & bina (D&B) yang dipertanggungjawabkan kepada Kontraktor mengenai reka bentuk projek.

PERATURAN 2 perlu dilakukan dengan **input daripada Kontraktor**. Kontraktor kemudiannya dapat menekankan kekangan yang akan dihadapi apabila membina bangunan atau struktur. Ini akan membantu dalam proses DR (kajian reka bentuk).

c) PERATURAN 3: Kajian Pra-Pembinaan

Kajian reka bentuk pra-pembinaan harus memeriksa reka bentuk kerja sementara dan reka bentuk oleh kontraktor pakar yang tidak disemak semasa fasa reka bentuk konsep dan terperinci.

PERATURAN 3 merekodkan risiko dan langkah-langkah kawalan risiko untuk **aktiviti RISIKO KRITIKAL seperti:**

- Tupang, peparit dan penggalian dalam;
- Mengangkat berat; berbilang beban;
- Ruangan terkurung; dan
- Kerja acuan dan penyangga sementara.

10.2 Peraturan Asas Kajian Reka Bentuk

Kejayaan Kajian Semakan Reka Bentuk bergantung kepada keupayaan seorang fasilitator untuk memilih dan menggunakan pengalaman dan kepakaran pasukan kajian untuk menilai reka bentuk secara kritis. Oleh itu, peranan fasilitator adalah kritikal. Pereka Utamah harus memimpin Kajian Reka Bentuk sebagai fasilitator.

a) Sifat-sifat Pereka Utama

Pereka Utama disyorkan untuk mempunyai sifat-sifat berikut:

- i. Mempunyai pemahaman tentang prinsip-prinsip keselamatan dalam pembinaan (atau mempunyai akses kepada pakar keselamatan dan kesihatan);
- ii. Dihormati, atau berpotensi untuk dihormati, oleh peserta bengkel;
- iii. Sekurang-kurangnya mempunyai pemahaman meluas tentang projek itu:

1. Keupayaan untuk menggalakkan pandangan daripada pelbagai jenis orang yang menyertai bengkel untuk membincangkan konsep reka bentuk secara membina;
2. Keupayaan untuk mengemukakan pandangan mereka sendiri dan dengan itu memprovokasi pemikiran, tetapi tanpa mendominasi bengkel itu dengan pendapatnya sahaja;
3. Keupayaan untuk memastikan bengkel berada di landasan yang betul dan berjalan lancar (isu yang tidak dapat diselesaikan dengan segera harus dibincangkan di luar bengkel).

b) Penerangan Kajian Reka Bentuk daripada pereka boleh termasuk tetapi terhad kepada:

- i. Arkitek, jurutera awam, jurutera geoteknikal dan jurutera struktur, pereka bangunan, jurutera-jurutera, jurutera keselamatan kebakaran, pereka dalaman, arkitek landskap, perancang bandar dan semua pengamal reka bentuk yang lain yang menyumbang kepada, atau mempunyai tanggungjawab keseluruhan bagi, apa-apa bahagian reka bentuk (contohnya, jurutera parit mereka-bentuk parit untuk pembangunan baru), pereka perkhidmatan bangunan, firma kejuruteraan atau lain-lain yang perkhidmatan mereka-bentuk yang merupakan sebahagian daripada struktur seperti pengudaraan, sistem elektrik dan pemasangan pemadam api tetap;
- ii. Sesiapa sahaja yang menetapkan atau mengubah reka bentuk, atau yang menentukan penggunaan kaedah atau bahan tertentu, seperti pengurus reka bentuk, juru ukur bahan yang menegaskan bahan tertentu atau

- klien yang menetapkan susun atur tertentu untuk bangunan baru;
- iii. Pereka perkhidmatan bangunan, amalan kejuruteraan atau lain-lain yang mereka-bentuk kilang yang menjadi sebahagian daripada struktur tetap (termasuk lif dan, sistem pemanasan, pengudaraan dan elektrik), sebagai contoh, pembekal pemasangan pemadam api tetap pakar;
 - iv. Mereka yang membeli bahan-bahan binaan di mana pilihan bahan diberi kepada diri mereka, contohnya, mereka membeli blok binaan jadi penentuan berat blok binaan itu harus ditangani oleh penurap bata;
 - v. Kontraktor yang menjalankan kerja reka bentuk sebagai sebahagian daripada sumbangan mereka kepada projek (contohnya, kontraktor kejuruteraan yang menyediakan reka bentuk, perolehan dan perkhidmatan pengurusan pembinaan);
 - vi. Jurutera kerja sementara, termasuk mereka yang mereka-bentuk kerja acuan, penyangga sementara, perancah dan cerucukan keping, dinding tirai dan skema penahananmukaan (*facade retention*); dan
 - vii. Pereka dalaman, termasuk kedai pembekal yang juga membangunkan reka bentuk.

10.3 Contoh Peraturan Kajian Reka Bentuk

10.3.1 PERATURAN-1 Kajian Reka Bentuk Konsep

Tujuan **PERATURAN-1(RULE-1)** adalah untuk mengkaji reka bentuk konsep dan mengenal pasti risiko kritikal yang berkait dengan penggunaan, pembinaan, penyelenggaraan (termasuk pembersihan dan pembaikan), perubahan, penambahan, perombakan dan perobohan bangunan atau struktur yang serupa dengan konsep

SEUMUR HIDUP (CRADLE-to-GRAVE) untuk menguruskan bahan kimia berbahaya; dengan mengenal pasti dan memahami risiko seawal permulaan projek, kawalan risiko dapat dilaksanakan untuk memastikan risiko-risiko ini dapat diuruskan sama ada dengan menghapuskan atau mengawalinya.

i. Pemilihan Tapak

Tapak yang dicadangkan hendaklah ditentukan kebolehlaksanaan keselamatan dan hendaklah terdiri daripada penerimaan Tapak yang dicadangkan relatif kepada toleransi untuk risiko keselamatan.

Kebolehlaksanaan keselamatan harus dipertimbangkan:



Rajah 16: Impak risiko keselamatan (Rujukan: Singapore Institute of Architects (SIA) Design-for-Safety (DfS) Handbook 2014)

ii. Reka Bentuk Pembangunan Bangunan:

Tahap risiko reka bentuk yang dicadangkan untuk pembangunan bangunan **harus ditentukan**, dan Peluang untuk **mereka-bentuk langkah keselamatan** perlu dikenal pasti dan diambil.

Amalan yang disyorkan untuk pelaksanaan kajian ini mengambil kira **Garis Panduan Pengenal pastian bahaya, Penaksiran Risiko & Pengawalan Risiko (HIRARC) DOSH 2008**.

Kebimbangan utama tentang **PERATURAN-1** adalah mengenai isu keselamatan yang berkaitan dengan:

- a) **jenis generik (atau sifat) pembangunan yang dicadangkan; dan**
- b) **lokasi projek:**
 1. analisis tapak yang berpotensi untuk menentukan pemilihan tapak yang sesuai;
 2. analisis lokasi akan merangkumi beberapa pertimbangan utama seperti penilaian tanah, orang awam, trafik, perkhidmatan sedia ada dan penempatan loji dan jentera berat;
 3. **PERATURAN-1 akan memberi tumpuan kepada bahaya dan risiko yang dikenal pasti yang terhasil daripada penempatan projek;**

Kajian reka bentuk konsep memo pengingatan (*Aide Memoire*) **PERATURAN-1 PERTIMBANGAN** (Jadual 6) boleh membantu Pereka Utama dan pasukan kajian reka bentuk semasa sesi bengkel mereka;

Jadual 6:PERATURAN-1 Pertimbangan Kajian Reka Bentuk Konsep

PERTIMBANGAN		HASIL KAJIAN YANG DIJANGKA		CATATAN
1	Geoteknikal	a	Kestabilan tanah, iaitu, tertakluk kepada gelinciran tanah	
		b	Berhampirandengan jasad air	
		c	Kehadiran muka air tanah	
		d	Cerun tapak yang dicadangkan	
		e	Klasifikasi/keadaan tanah, contohnya, sangat reaktif	
		f	Mudah dilanda banjir	
		g	Kambus tanah (Tapak pelupusan sisa)	
		h	Terdedah kepada kegiatan seismik	
2	Infrastruktur sedia ada	a	Perkhidmatan overhed	
		b	Perkhidmatan/utiliti bawah tanah	
		c	Talian komunikasi bawah tanah	
		d	Sebarang infrastruktur/ aset sedia ada di tapak, contohnya bangunan, tangki bawah tanah	
		e	Akses/sambungan kepada perkhidmatan/utiliti	
		f	Perubahan diperlukan	
3	Pengurusan Trafik	a	Sekatan akses	
		b	Gangguan pada laluan trafik/ pejalan kaki	
		c	Keperluan pencahayaan tambahan	
		d	Berhampirandengan infrastruktur utama	
		e	Keupayaan mendirikan loji, perancah dan lain-lain	
		f	Gangguan kepada pengangkutan	

			awam	
Persekitaran tapak	a	Kehampiran hartanah/ bangunan bersebelahan		
	b	Perlindungan hartanah/ bangunan bersebelahan		
	c	Sekatan tempat kerja/tapak		
	d	Pengenal pastian dan kehampiran tapak pembinaan lain		
	e	Berhampirandengan loji dan peralatan		
	f	Penduduk sekitar, seperti kediaman lain (berkaitan dengan risiko bunyi bising, habuk, waktu kerja dan lain-lain)		
	g	Kemampuan untuk memperluas kemudahan di masa depan		
	h	Sekatan disebabkan penggunaan di sekitar, seperti berdekatan dengan lapangan terbang		
	i	Kesan negatif daripada tumbuh-tumbuhan		
	j	Keusangan struktur bersebelahan		
Sekuriti	a	Kerosakan disebabkan kecurian/ perbuatan jahat		
	b	Pencerobohan		
	c	Lokasi terpencil		
Bahan berbahaya	a	Bahan-bahan berbahaya yang terkandung dalam infrastruktur/aset sedia ada		
	b	Pencemaran tanah		
	c	Bahaya sekitar, seperti berhampiran dengan tangki simpanan milik stesen minyak		

Selepas bahaya dikenal pasti daripada sumbang saran soalan-soalan ini, bahaya yang ketara kemudiannya akan dinilai dengan menggunakan:

- i. Lampiran 4 Contoh Borang Penaksiran Risiko Kualitatif.
- ii. Kajian susulan perlu dilakukan untuk memastikan bahaya telah ditangani dan bukan hanya setakat difailkan.
- iii. Sekiranya keputusan daripada menggunakan PERATURAN-1 pada peringkat reka bentuk konsep menunjukkan bahawa reka bentuk semula atau penempatan semula projek diperlukan, risiko yang dikenal pasti di bawah PERATURAN-1 biasanya boleh ditangani semasa peringkat PERATURAN-2 reka bentuk. Oleh itu, PERATURAN-1 biasanya dilakukan sekali.
- iv. Isu reka bentuk yang diketengahkan dalam PERATURAN-1 perlu ditangani oleh Pereka semasa menjalankan reka bentuk terperinci. PERATURAN-2 akan menjadi latihan untuk mengenal pasti risiko dan memastikan bahawa risiko yang dikenal pasti dalam PERATURAN-1 dikawal melalui penghapusan atau pengurangan.

10.3.2 PERATURAN-2 Kajian Reka Bentuk Terperinci

PERATURAN-2(RULE-2) berfungsi untuk membantu Pereka untuk mengkaji reka bentuk bangunan atau struktur secara progresif apabila ia berkembang. Walaupun reka bentuk bangunan atau struktur sering dilakukan oleh Perunding Pereka bagi pihak Klien, reka bentuk juga boleh dilakukan atas dasar D&B (Reka & Bina) oleh Kontraktor. Bahagian bangunan atau struktur juga boleh direka oleh Kontraktor Pakar atau Pereka lain.

i. **Reka bentuk perancangan Kawalan Skematik atau Pembangunan**

PERATURAN-2 menangani perkara berikut:

1. Rujuk Rajah 16: Impak Risiko Keselamatan
2. Keadaan tapak sedia ada
3. Pelan tapak konsep atau skematik — kekangan dan peluang
4. Kebolehlaksanaan operasi pembinaan dan pengurusan tapak
5. Reka bentuk kerja-kerja tetap— susun atur, konfigurasi, hubungan dan penggunaan atau fungsi ruang
6. Membangunkan Pelan Bangunan (BP)
7. Mereka bentuk BP dan/atau kontrak pembinaan

PERATURAN-2 mengenal pasti dan menangani bahaya ketika mereka timbul daripada pembangunan reka bentuk, isu yang dibangkitkan semasa RULE-1 juga perlu dikaji semula dan diselesaikan jika boleh.

PERATURAN-2 perlu dilakukan oleh semua pemegang tugasutama dan bukan hanya Pereka secara berasingan. Pentingnya melakukan dokumentasi yang betul agar maklumat yang relevan dapat disampaikan dan direkodkan dalam Fail Keselamatan dan Kesihatan.

Untuk membantu dalam Pasukan Kajian Reka Bentuk dalam **PERATURAN-2**, pertimbangan berikut akan digunakan. Walaupun pertimbangan menekankan isu-isu penting, ianya tidak lengkap dan hanya berfungsi sebagai rujukan untuk pasukan. Justeru, pasukan perlu mengadakan sesi sumbang saran untuk mengenal pasti bahaya dan perhatian pemegang tugasutama.

Jadual 7:PERATURAN-2 Pertimbangan Kajian Reka Bentuk Terperinci

PERTIMBANGAN		HASIL KAJIAN YANG DIJANGKA		CATATAN
1	Pra-pasangsiap	a	Bolehkah elemen-elemen seperti struktur keluli dibuat pasang siap, dipasang di atas tanah dan kemudian diangkat ke kedudukan untuk pemasangan?	
		b	Bolehkah pemotongan bahan keluli dilakukan di luar tapak, di bawah keadaan terkawal untuk mengurangkan habuk yang terhasil daripada proses itu?	
		c	Bolehkah kimpalan di tapak diminimumkan untuk mengurangkan risiko kebakaran atau terbakar?	
		d	Bolehkah nat dan baut pasang siap digunakan sebagai penyambung?	
		e	Bolehkah elemen pasang siap dibekalkan dengan titik mengangkat yang direka bentuk, dan berat dan pusat graviti ditandakan pada lukisan dan bahan pasang siap?	
		f	Sekiranya struktur pasang siap perlu digantung untuk sementara waktu dalam tempoh masa sebelum pemasangan akhir, apakah ada cara untuk memastikan bahaya yang timbul ini dihapuskan?	
		g	Bolehkah sambungan dalam struktur keluli menegak direka bentuk supaya <i>bolting</i> boleh dilakukan di atas tanah?	

		h	Bolehkah sambungan direka bentuk untuk meminimumkan risiko pemasangan yang tidak betul (misalnya susun atur bolt yang unik untuk setiap sambungan)?	
		i	Bolehkah arahan yang jelas disediakan pada lukisan?	
		j	Bolehkah Pereka mengesahkan sama ada keadaan tapak membolehkan kren pengangkut diletakkan dengan selamat sebelum membuat keputusan untuk kaedah pembinaan pasang siap?	
2	Kerja Mengangkat yang Berat	a	Pertimbangkan proses kerja dan peralatan yang diperlukan untuk kerja mengangkat yang berat. Bolehkah tempat meletak peralatan ini diputuskan dan dikepung?	
		b	Adakah peralatan mengangkat memerlukan asas yang dipersesuaikan (<i>customised</i>) untuk meminimumkan pengukuhan dan kegagalan sokongan?	
		c	Pertimbangkan senario kes terburuk. Bolehkah senario ini dicegah atau diuruskan untuk mengelakkan kecederaan?	
3	Ruangan Terkurung	a	Adakah reka bentuk mewujudkan ruangan terkurung di peringkat tetap atau sementara?	
		b	Bolehkah ruangan terkurung	

			dihapuskan daripada reka bentuk?	
		c	Bolehkah keperluan memasuki ruangan terkurung dapat dikurangkan dengan memindahkan peralatan atau kawalan penting daripada ruangan terkurung?	
4	Jatuh dari Tempat Tinggi	a	Bolehkah keperluan untuk bekerja di tempat tinggi dibuang? Contohnya, membuang keperluan untuk bekerja pada tahap yang tinggi apabila cara akses yang selamat tidak dapat disediakan.	
		b	Bolehkah pemasangan awal bagi akses tetap (contohnya tangga) mengurangkan penggunaan tangga atau perancah?	
		c	Bolehkah bahan bumbung yang rapuh dihapuskan atau bolehkah laluan akses alternatif ke bumbung (misalnya platform kerja) direka bentuk?	
		d	Bolehkah perlindungan tebing tempat tinggi atau ciri lain yang membolehkan akses dan pembinaan selamat direka dan dipasang?	
		e	Bolehkah titik pengukuh untuk pemasangan tali keselamatan (<i>life-line</i>) atau abah-abah keselamatan (<i>safety harness</i>) dipasang jika platform kerja tidak boleh dipasang?	
		f	Bolehkah bukaan lantai, jika ada, dikurangkan?	

5	Kerja Sementara dan Turutan	a	Bolehkah akses atau jalan keluar yang lebih selamat yang bukannya sementara, digunakan?	
		b	Bolehkah tangga tetap dan lif disediakan terlebih dahulu supaya ianya boleh digunakan semasa peringkat pembinaan?	
		c	Adakah reka bentuk akan menjejaskan proses kerja semasa pembinaan?	
		d	Bolehkah kerja sementara yang diperlukan semasa pembinaan dirancang lebih awal lagi? Contohnya, mengkhususkan jenis dan kedudukan kerja sementara yang diperlukan untuk memastikan bahawa pertimbangan ruang diambil kira semasa peringkat reka bentuk.	
		e	Adakah terdapat pertimbangan pembinaan khas yang perlu ditekankan kepada Kontraktor?	
		f	Adakah turutan pembinaan mewujudkan apa-apa platform kerja sementara yang tidak stabil yang memerlukan sokongan tambahan?	
		g	Bolehkah faktor keselamatan yang mencukupi dimasukkan dalam reka bentuk supaya beban lebih atau keruntuhan struktur tetap atau sementara dapat dihalang?	
6	Susun Atur	a	Bolehkah susun atur dioptimumkan untuk mengelakkan sebarang	

			kemalangan disebabkan aliran lalu lintas, pejalan kaki, peralatan, dan sebagainya di dalam dan di sekitar tapak semasa peringkat pembinaan?	
		b	Pertimbangkan aliran lalu lintas, pejalan kaki, peralatan di dalam dan di sekitar tapak semasa peringkat kekal	
		c	Bolehkah susun atur dioptimumkan untuk mengelakkan kemalangan?	
		d	Adakah terdapat keperluan untuk menetapkan bahan, peralatan, kenderaan dan aliran trafik manusia yang khusus?	
7	Akses untuk Penyelenggaraan	a	Adakah penyediaan akses mengambil kira pergerakan pekerja penyelenggaraan dan alatan dan peralatan yang diperlukan untuk menjalankan kerja penyelenggaraan yang selamat dan cekap?	
		b	Bolehkah cara akses sementara (contohnya, perancah, tangga sementara, dan sebagainya) dihapuskan dengan menyediakan pekerja akses tetap yang selamat ke kawasan yang memerlukan penyelenggaraan tetap?	
		c	Adakah reka bentuk menggabungkan garis keselamatan, titik pengukuh dan pengangkat yang kekal dalam struktur untuk kerja-kerja penyelenggaraan yang perlu dijalankan di tempat tinggi?	
		d	Bolehkah bahan tahan lama yang	

		memerlukan kekerapan penyelenggaraan yang lebih rendah digunakan (misalnya, bahan aluminium bersalut serbuk berbanding bahan keluli ringan yang sering perlu dicat semula)?	
	e	Bolehkah kerja penyelenggaraan dilaksanakan di aras tanah dengan cara yang selamat dan produktif? Contohnya, meletakkan unit penyaman udara di aras tanah, meletakkan sistem lampu dalam ketinggian yang boleh dicapai.	
	f	Adakah reka bentuk membuat ruang atas yang rendah yang mengurangkan keselamatan dan kecekapan pekerja yang menjalankan kerja penyelenggaraan?	
	g	Adakah reka bentuk itu meminimumkan keperluan untuk pekerja penyelenggaraan memasuki saluran dan ruang merangkak (<i>crawl/space</i>)?	
	h	Adakah reka bentuk meminimumkan keperluan untuk dekonstruksi dinding sekatan (<i>bulkhead</i>), salutan (<i>cladding</i>), selongsong (<i>casing</i>), dan sebagainya, semasa pemeriksaan dan penyelenggaraan rutin?	
	i	Adakah reka bentuk membenarkan ruang yang mencukupi untuk kenderaan (contohnya, kren, kren	

			balak) untuk beroperasi dengan selamat dan cekap semasa penyelenggaraan dan pengendalian bangunan?	
		j	Adakah reka bentuk membenarkan ruang kerja yang mencukupi di dalam bilik mekanikal & elektrik (M&E) dan di sekitar peralatan M&E untuk pemeriksaan, penyelenggaraan, pembaikan dan penggantian peralatan?	
		k	Adakah reka bentuk menyediakan akses penyelenggaraan di setiap tingkat jika terdapat sistem penghijauan menegak yang merangkumi beberapa tingkat?	
8	Bahaya Kesihatan	a	Bolehkah bahan kurang berbahaya digunakan (contohnya pelekat bebas-pelarut atau rendah pelarut dan cat berasaskan air)?	
		b	Bolehkah bahan yang boleh menyebabkan risiko kebakaran yang ketara dikeluarkan?	
		c	Bolehkah proses yang menghasilkan asap, wap, habuk, bunyi bising atau getaran berbahaya dielakkan? Contoh-contoh proses tersebut adalah asbestos sedia ada, memotong peparit dalam binaan bata dan konkrit, memecahkan cerucuk tuang-di-situ (<i>cast-in-situ</i>) untuk meratakannya, <i>scabbling</i> konkrit, terowong	

			penggalian-tanpa-jentera (<i>hand-digging</i>), kawasan pemotongan nyala (<i>flam-cutting</i>) atau pengamplasan (<i>sanding</i>)bahagian yang disalut dengan cat plumbum atau kadmium.	
9	Cuaca	a	Adakah kemungkinan banjir berlaku di tapak? Jika ya, bagaimana bahaya dapat dikurangkan di peringkat sementara dan kekal?	
		b	Adakah terdapat kemungkinan panahan petir berlaku di tapak? Jika ya, bagaimana bahaya dapat dikurangkan di peringkat sementara dan kekal?	
		c	Adakah keadaan cuaca buruk lain yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesihatan pekerja di tapak?	
		d	Apakah kesan suhu atau kelembapan yang melampau pada peralatan?	
10	Laluan Kecemasan	a	Adakah laluan kecemasan untuk peringkat sementara dan kekal adalah yang paling pendek dan paling nyata disediakan?	
		b	Adakah lampu, arah, amaran dan kuasa sandaran (<i>backup</i>) yang mencukupiuntuk pengosongan orang ramai di sepanjang laluan kecemasan telah disediakan?	
11	Lain-lain	a	Adakah terdapat bahaya utama lain yang perlu ditangani?	
		b	Bolehkah sumber tenaga tersimpan yang besar, seperti kabel pra- atau	

		pasca-tegangan (<i>pre-/post-tension cables</i>), dinyatakan dalam lukisan dan ditekankan untuk perobohan masa depan?	
		c Bolehkah perubahan yang telah mengubah bangunan atau struktur dengan ketara ditekankan?	
		d Bolehkah gangguan kepada utiliti sedia ada dalam bangunan yang dihuni dapat dielakkan?	

Setelah melakukan sumbang saran mengenai pertimbangan dan pengenal pastian bahaya; menggunakan borang penaksiran risiko, Pasukan Kajian Reka Bentuk perlu menyelesaikan proses, menentukan pelan tindakan dan merekodkannya dengan sewajarnya.

Isu reka bentuk yang diketengahkan dalam **PERATURAN-1** perlu ditangani oleh Pereka apabila dia melakukan reka bentuk terperinci. **PERATURAN-2** akan menjadi sesi untuk mengenal pasti bahaya baru dan memastikan bahaya yang dikenal pasti dalam **PERATURAN-1** dihapuskan atau dikurangkan.

10.3.3 PERATURAN-3 Kajian Pra-Pembinaan

Tujuan **PERATURAN-3 (RULE-3)** adalah untuk menyediakan Pasukan Kajian Reka Bentuk dengan alat untuk mengenal pasti dan menangani risiko yang berkaitan dengan reka bentuk kerja sementara.

Reka bentuk kerja sementara adalah sebahagian daripada skop kerja dalam kontrak pembinaan, tetapi kadang kala kerja sementara direka oleh Perunding bagi pihak klien mereka.

PERATURAN-3 biasanya menangani perkara-perkara berikut:

i. Reka bentuk majikan atau perunding

1. Penetapan atau spesifikasi keperluan susunan, kemudahan dan penjadualan tapak
2. Preskripsi atau spesifikasi kerja interim untuk pembinaan kerja tetap

ii. Reka bentuk kontraktor

1. Kerja sementara untuk pengaturan tapak dan kemudahan
2. Kerja sementara untuk pembinaan kerja tetap

Komposisi Pasukan Kajian Reka Bentuk terdiri daripada semua pemegang tugas yang melaksanakan PERATURAN-1 & PERATURAN-2. Dokumentasi proses hendaklah sama dan hasil direkodkan dan diedarkan sewajarnya.

Memo pengingatan reka bentuk di bawah akan dipertimbangkan dan tidak terhad kepada seperti yang disediakan.

Jadual 8: PERATURAN-3 Pertimbangan Kajian Reka Bentuk Pra-Pembinaan

PERTIMBANGAN		HASIL KAJIAN YANG DIJANGKA		CATATAN
1	Kerja Sementara dan Turutan	a	Bolehkah akses atau jalan keluar yang lebih selamat, bukannya cara sementara, digunakan?	
		b	Bolehkah alat ukur pemantauan yang memberi amaran awal tentang kemungkinan keruntuhan atau gerakan tanah, dipasang?	
		c	Bolehkah tangga tetap dan lif	

		disiapkan terlebih dahulu supaya ianya boleh digunakan semasa peringkat pembinaan?	
d		Adakah reka bentuk akan menjejaskan proses kerja semasa pembinaan?	
e		Bolehkah kerja sementara yang diperlukan semasa pembinaan dirancang lebih awal lagi? Contohnya, mengkhususkan jenis dan kedudukan kerja sementara yang diperlukan untuk memastikan bahawa pertimbangan ruangdiambil kira semasa peringkat reka bentuk.	
f		Adakah terdapat pertimbangan pembinaan khas yang perlu ditekankan kepada Kontraktor?	
g		Adakah turutan pembinaan mewujudkan apa-apa platform kerja sementara yang tidak stabil yang memerlukan sokongan tambahan?	
h		Bolehkah faktor keselamatan yang mencukupi dimasukkan dalam reka bentuk supaya beban lebih atau keruntuhan struktur tetap atau sementara dapat dihalang?	
i		Adakah terdapat kemungkinan lambung dasar (<i>basal heave</i>) dan pemaipan (<i>piping</i>) semasa penggalian?	
j		Adakah terdapat penyelesaian	

			disebabkan projek yang dicadangkan?	
		k	Adakah jadual yang betul untuk memantau peralatan telah disediakan?	
		l	Adakah terdapat kesan buruk terhadap struktur bersebelahan semasa penghapusan kerja sementara?	
		m	Adakah terdapat alternatif atau langkah yang dapat mengurangkan atau meminimumkan kesan buruk tersebut?	
2	Reka Bentuk Pakar	a	Adakah terdapat kebimbangan tentang keselamatan terhadap elemen reka bentuk pakar untuk dipertimbangkan oleh Kontraktor?	
		b	Bolehkah amalan kerja selamat alternatif digunakan untuk mengurangkan kebimbangan tersebut?	
3	Cuaca	a	Adakah kemungkinan banjir berlaku di tapak? Jika ya, bagaimana bahaya dapat dikurangkan di peringkat sementara dan kekal?	
		b	Adakah terdapat kemungkinan panahan petir berlaku di tapak? Jika ya, bagaimana bahaya dapat dikurangkan di peringkat sementara dan kekal?	
		c	Adakah keadaan cuaca buruk lain yang boleh menjejaskan	

			keselamatan dan kesihatan pekerja di tapak?	
		d	Apakah kesan suhu atau kelembapan yang melampau pada peralatan?	
4	Lain-lain	a	Adakah risiko dan bahaya yang dikenal pasti dalam DRRULE-1 dan DRRULE-2 telah ditangani atau dikurangkan?	

Seperti yang ditetapkan untuk kedua-dua **PERATURAN 1 & 2**, keputusan **PERATURAN-3** akan dikemas kini, pihak-pihak yang terlibat akan diberitahu, dan diedarkan sewajarnya.

Kajian pelan tindakan kawalan risiko hendaklah dijalankan untuk mengesahkan hasilnya. Selain daripada menjalani proses PERATURAN-3, sesi Kajian Reka Bentuk lanjut harus diadakan untuk memastikan risiko yang dikenal pasti dalam PERATURAN-1 dan PERATURAN-2 dihapuskan atau dikurangkan.

11.0 DOKUMEN UNTUK DIHASILKAN DAN DISELENGGARA

Semua pemegang tugas hendaklah mengambil langkah yang patut untuk memenuhi kewajipan mereka dan hendaklah menyediakan dan menyelenggara sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta KKP 1994 Seksyen 15. Kewajipan am majikan dan orang yang bekerja sendiri kepada pekerja mereka.

- (1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri untuk memastikan, setakat yang praktikal, keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjanya.

Subseksyen ini memperuntukkan kewajipan setiap majikan untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan di tempat kerja semua pekerjanya. Walau bagaimanapun dalam menjalankan tugas ini, istilah 'setakat yang praktikal' telah digunakan.

Section 15(2)c: pengadaaan maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan sebagaimana yang perlu untuk memastikan setakat yang praktikal, keselamatan dan kesihatan pekerjanya yang sedang bekerja;

Oleh itu, semua dokumen yang diterangkan di bawah Nota Panduan ini hendaklah disediakan dan diselenggarakan sepanjang kitaran hayat projek termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a) Ringkasan Klien (CLB)
- b) Maklumat Pra-Pembinaan (PCI)
- c) Pelantikan Pereka Utama & Kontraktor Utama
- d) **Laporan Kajian Reka Bentuk**
- e) Pelan Fasa Pembinaan (CPP)
- f) Fail Keselamatan & Kesihatan (SHF)

11.1 Ringkasan Klien

Ringkasanklien ialah dokumen yang disediakan untuk menyatakan pengaturannya sesuatu projek. Klien boleh meminta pereka utama untuk membantu dalam perkembangan ringkasan klien. Ringkasan klien biasanya:

- a) Menerangkan fungsi utama dan keperluan operasi bangunan atau struktur yang sudah siap;
- b) Menggariskan motivasi/tujuan untuk memulakan projek;
- c) Menggambarkan jangkaan tentang bagaimana projek itu akan diuruskan sepanjang projek termasuklah pengurusan keselamatan dan kesihatan;
- d) Terangkan arahan reka bentuk;
- e) Menetapkan satu titik hubungan untuk sebarang pertanyaan klien atau perbincangan semasa projek;
- f) Menetapkan rangka masa dan bajet yang realistik.

11.2 Maklumat Pra-Pembinaan (PCI)

Maklumat pra-pembinaan adalah maklumat mengenai projek yang sudah ada dalam pemilikan klien atau yang semunasabahnya diperoleh oleh atau bagi pihak klien. Ia perlu dikumpulkan dan ditambah apabila proses reka bentuk berlangsung dan menunjukkan maklumat baru tentang risiko keselamatan dan kesihatan dan bagaimana ia patut diuruskan.

Klien mempunyai tugas utama untuk menyediakan maklumat pra-pembinaan. Mereka harus memberikan maklumat ini secepat mungkin kepada pereka dan pereka utama; dan kepada kontraktor dan kontraktor utama; yang sedang dipertimbangkan untuk pelantikan atau sudah dilantik untuk projek itu. Jika lebih daripada satu kontraktor terlibat, klien boleh mendapatkan bantuan daripada pereka utama

untuk mencari dan mengumpulkan maklumat tersebut dan memberikannya kepada pereka dan kontraktor yang terlibat. Untuk projek kontraktor tunggal, ia adalah tanggungjawab klien sendiri tetapi mereka boleh berhubung dengan kontraktor (dan mana-mana pereka) yang mereka lantik untuk memberikan maklumat apa saja yang diperlukan.

Maklumat pra-pembinaan harus memasukkan maklumat yang relevan dan memadai untuk projek:

- a) Penerangan projek
- b) Pertimbangan dan keperluan pengurusan klien
- c) Sekatan alam sekitar dan risiko sedia adadi tapak
- d) Reka bentuk dan bahaya pembinaan yang ketara
- e) Fail keselamatan dan kesihatan

11.3 Pelantikan pereka utama dan kontraktor utama

Klien yang membuat pelantikan adalah dicadangkan untuk menggunakan soalan-soalan keselamatan dan kesihatan standard di Lampiran 1 Contoh Soal Selidik Keupayaan OSH dalam Garis Panduan Pengurusan Kontrak atau Spesifikasi Terbuka Awam 91:2013 Perolehan berkaitan pembinaan. Soal selidik pra-kelayakan ini adalah alat yang berguna dalam memilih orang yang sesuai. Penggunaan soalan-soalan ini adalah salah satu cara untuk membantu menilai keupayaan organisasi. Klien juga harus memastikan bahawa pereka atau kontraktor mempunyai pengalaman yang cukup dan rekod yang baik dalam menguruskan risiko yang terlibat dalam projek. Pelantikan rasmi pereka dan kontraktor hendaklah dibuat secara bertulis.

Dokumentasi pemeriksaan dan penilaian pra-kelayakan akan menyokong langkah-langkah munasabah yang diambil oleh klien (atau sesiapa pun yang dilantik oleh klien) untuk meyakinkan diri mereka bahawa orang yang akan menjalankan kerja mempunyai kemahiran, pengetahuan, pengalaman, dan, jika mereka adalah organisasi, keupayaan organisasi untuk menjalankan kerja dengan cara yang menjamin keselamatan dan kesihatan.

11.4 Kajian Pengurusan Risiko Reka Bentuk

Hasil kajian reka bentuk sebagaimana yang ditetapkan dalam Seksyen 10.3.1 (PERATURAN-1), Seksyen 10.3.2 (PERATURAN-2) dan Seksyen 10.3.3 (PERATURAN-3) hendaklah dikemaskini, pihak yang terlibat akan dimaklumkan, dan hasil hendaklah diedarkan dengan sewajarnya. Kajian pelan tindakan kawalan risiko hendaklah dijalankan untuk mengesahkan hasilnya. Selain daripada melalui Proses PERATURAN-3, lagi sesi Kajian Reka Bentuk lanjut perlu dilakukan untuk memastikan bahawa risiko yang dikenal pasti dalam PERATURAN-1 dan PERATURAN-2 telah dihapuskan atau dikurangkan.

Klien harus memastikan bahawa semua hasil kajian reka bentuk dan pelan tindakan untuk kawalan risiko hendaklah didokumenkan, dikemaskini dan diedarkan sewajarnya.

11.5 Pelan Fasa Pembinaan (CPP)

Pereka Utama, bagi pihak Klien harus memastikan bahawa pelan fasa pembinaan disediakan oleh Kontraktor (untuk kontraktor projek tunggal) atau Kontraktor Utama (untuk projek dengan beberapa kontraktor). Dalam projek yang besar atau kompleks, Klien

dinasihatkan untuk membuat beberapa pertanyaan atau pemeriksaan pelan fasa pembinaan sebelum kerja pembinaan bermula. Sekurang-kurangnya, Klien harus memeriksa pelan sebelum pembinaan bermula bagi memeriksa jika langkah-langkah tertentu telah dimasukkan untuk aktiviti-aktiviti tapak pembinaan yang dikenal pasti secara spesifik dalam Peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja-kerja Binaan Kejuruteraan (Keselamatan) dan bahawa terdapat akan menjadi kemudahan kebajikan yang mencukupi.

Pelan fasa pembinaan yang disediakan sepatutnya menangani aturan untuk mengurus risiko; dan kontraktor utama (atau kontraktor) kerap menyemak dan menyemak semula pelan untuk memastikan ia mengambil kira sebarang perubahan yang berlaku apabila pembinaan sedang berjalan dan terus sesuai untuk digunakan.

11.6 Fail Keselamatan dan Kesihatan

Pereka Utama perlu menyediakan Fail Keselamatan dan Kesihatan untuk projek. Klien untuk memerlukan jaminan daripada Pereka Utama, atau Kontraktor Utama, bahawa fail keselamatan dan kesihatan akan mematuhi keperluan seperti dalam Garis Panduan OSHCIM 2017.


Apabila projek berjalan, Pereka Utama perlu sentiasa mengemas kini, menyemak dan menyemak semula fail keselamatan dan kesihatan untuk mengambil kira kerja dan apa-apa perubahan yang telah berlaku. Jika pelantikan Pereka Utamatamat sebelum akhir projek, Pereka Utama hendaklah menyerahkan Fail Keselamatan dan Kesihatan kepada Kontraktor Utama, yang kemudiannya harus memegang tanggungjawab untuk fail itu. Apabila projek selesai, Pereka Utama hendaklah menyerahkan Fail Keselamatan dan Kesihatan kepada Klien. Jika pereka utama telah meninggalkan projek

sebelum ia selesai, adalah menjadi tanggungjawab untuk kontraktor utama untuk menyerahkan fail itu kepada klien.

Klien kemudiannya harus mengekalkan fail tersebut dan memastikan ia tersedia untuk sesiapa sahaja yang mungkin memerlukannya selagi ianya relevan – biasanya seumur hidup bangunan itu– untuk membolehkan mereka mematuhi keperluan keselamatan dan kesihatan semasa sebarang projek seterusnya. Ia boleh disimpan secara elektronik, di atas kertas, di filem, atau mana-mana bentuk tahan lasak yang lain.

Sekiranya klien melupakan kepentingan mereka dalam bangunan, mereka harus memberikan fail itu kepada individu atau organisasi yang akan mengambil tugas klien dan memastikan klien baru mengetahui sifat dan tujuan fail tersebut. Sekiranya mereka menjual sebahagian daripada bangunan itu, apa-apa maklumat yang relevan dalam fail itu hendaklah diberikan atau disalin kepada pemilik baru. Sekiranya klien menyewakan semua atau sebahagian daripada bangunan, fail itu harus disediakan kepada pemegang pajak. Sekiranya pemegang pajak bertindak sebagai klien untuk projek pembinaan masa depan, pemegang pajak dan klien asal harus menyediakan fail tersebut untuk pereka utama yang baru.

11.7 Pengedaran Dokumen



Rajah 17: Aliran Maklumat

11.7.1 Apa yang perlu dimiliki?

- Dapatkan surat pelantikan formal daripada Klien;
- Dapatkan ringkasan Klien dan Maklumat Pra-Pembinaan atau maklumat yang berkaitan untuk membantu pembangunan Ringkasan Klien & Maklumat Pra-Pembinaan untuk Klien;
 - Klien boleh meminta Pereka Utama untuk membantu dalam penyediaan Ringkasan Klien;
- Dapatkan Pelan Fasa Pembinaan (CPP) daripada Kontraktor atau Kontraktor Utama;

11.7.2 Apa yang perlu diedarkan?

Pereka Utama perlu mengedarkan kepada Kontaktor Utama:

- a) Ringkasan Klien
- b) Maklumat Pra-Pembinaan
- c) Fail Keselamatan & Kesihatan (**Mengandungi semua dokumen berkaitan termasuk Hasil Kajian Reka Bentuk**)

12.0 LAMPIRAN

12.1 Contoh

- a) Surat Pelantikan Pereka Utama
- b) Penilaian Pereka Utama Klien
- c) Maklumat Pra-Pembinaan
- d) Contoh Borang Penaksiran Risiko Kualitatif
- e) Fail Keselamatan & Kesihatan
- f) Pelan Fasa Pembinaan

12.2 Senarai Semak

- a) Tugas Klien
- b) Klien Pra-Pembinaan (Panduan Industri HSE UK 2015)
- c) Pertimbangan Pemegang tugas (Nota Panduan HK OSHEC & DEVB 2010)
 - i. Klien (Pra-tender/ Pra-Pembinaan)
 - ii. PD & Pereka (Pra-tender/ Pra-Pembinaan)
 - iii. PC & Kontraktor (Pra-Pembinaan/ Pembinaan/Pasca-Pembinaan)
- d) Pelan Kerja RIBA 2013 (Royal Institute of British Architects)
- e) Analisis Bahaya Awal (Nota Panduan HK OSHEC & DEVB 2010)
- f) Kandungan Fail Keselamatan & Kesihatan
- g) Senarai Semak PD Pilihan Reka Bentuk untuk Mengawal Risiko Dalam Pelbagai Peringkat Kitaran Hayat

12.3 Jadual

- a) Struktur bagi pengenalan pastian bahaya awal
- b) Senarai merah, kuning dan hijau (Senarai RAG)

13.0 RUJUKAN

13.1 Rujukan Penerbitan

- a) Garis Panduan DOSH Malaysia
 - i. Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 2006
 - ii. Hazard Identification Risk Assessment & Risk Control 2008
 - iii. OSH Guideline On Contract Management 2015
 - iv. Appendix 1 Example of OSH Capabilities Questionnaire
 - v. BSI PAS 91:2013 Construction related procurement. Pre-qualification questionnaires
- b) Penerbitan CIDB Malaysia
 - i. CIDB CREAM Incorporating OSH Into Tender Document 2018
 - ii. <https://www.cream.my/main/index.php/research-development-r-d/quality-safety-professionalism/category/22-potential-contract#>
- c) JKR Malaysia
 - i. Jabatan Kerja Raya Malaysia Specifications For Occupational Safety And Health For Engineering Construction Works 2011
- d) Singapura
 - i. MoM Workplace Safety and Health Guidelines Design for Safety 2016
 - ii. BCA SG Design For Maintainability Checklist Version 1.3 2016
 - iii. BCA SG Façade Access Design Guide 2017
 - iv. BCA SG BIM for DfMA (Design for Manufacturing and Assembly) Essential Guide 2016
 - v. BCA SG Design for Manufacturing and Assembly (DfMA) (Prefabricated Prefinished Volumetric Construction) 2017

13.2 Bacaan Lanjut Kajian Kes

- a) The case for CDM: better safer design a pilot study. Prepared by Greenstreet Berman Ltd for the Safety and health Executive 2003, Research Report 148;
- b) London 2012: The Construction (Design and Management) Regulations 2007 –Pemegang tugas roles and impact; Prepared by Frontline Consultants for the Safety and health Executive and the Institution of Civil Engineers 2012;
- c) Design Best Practice – Promoting Safety in Design.
- d) <http://www.dbp.org.uk/welcome.htm>
- e) The commercial case for applying CDM Case studies: Prepared by Habilis Safety and health Solutions Ltd for the Safety and health Executive 2006; Research Report 467;
- f) Guidance Notes of Design for Safety – Work Examples ; Hong Kong Occupational Safety and Health Council (OSHC) 2006;
- g) Construction Design and Management – Worked Examples; The Environment, Transport and Works Bureau (ETWB), the Hong Kong Housing Authority (HKHA) and the Occupational Safety and Health Council (OSHC) 2006;
- h) Guide to Best Practice for Safer Construction: Case studies. Kerry Brown, Rachel Ryan, Michael Charles Cooperative Research Centre for Construction Innovation 2007;
- i) Barrett, S. (2015). Safe design in practice: For designers of structures. Safe Design Australia, Edn 2.

LAMPIRAN 1. Contoh Surat Pelantikan Pereka Utama



Tarikh:

Alamat:

SURAT PELANTIKAN – PEREKA UTAMA

Tuan,

Selaras dengan keperluan Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Industri Pembinaan (Pengurusan) 2017 (Garis Panduan OSHCIM 2017), dalam peranan saya sebagai wakil Klien, bagi pihak Universiti Teknologi Malaysia, saya dengan ini melantik "**NAMA KONTRAKTOR**" sebagai Pereka Utama untuk "**NAMA PROJEK dan LOKASI TAPAK**".

Universiti Teknologi Malaysia mengakui kewajipannya mengikut Garis Panduan OSHCIM 2017.

Sila sahkan secara bertulis penerimaan Surat Pelantikan ini dan bahawa "**NAMA KONTRAKTOR**" sedar dan akan memenuhi kewajipan anda seperti yang diperincikan dalam Garis Panduan OSHCIM 2017.

Jika anda memerlukan bantuan lanjut, sila beritahu saya.

Yang benar,

Pengurus Kontrak



LAMPIRAN 2. Contoh Maklumat Pra-Pembinaan (PCI) Klien

Klien mesti menyediakan Maklumat Pra-Pembinaan (PCI) secepat mungkin kepada setiap pereka dan kontraktor yang dilantik (atau sedang dipertimbangkan) untuk projek

Nota:

- 1) PCI – adalah maklumat dalam pemilikan klien atau yang semunasabahnya diperoleh oleh atau bagi pihak klien, yang berkaitan dengan kerja pembinaan dan tahap terperinci dan mengikut kadar yang sesuai dengan risiko yang terlibat.
- 2) PCI termasuk A) maklumat mengenai – i) projek; ii) perancangan dan pengurusan projek; iii) bahaya keselamatan dan kesihatan; dan B) maklumat dalam sebarang fail keselamatan dan kesihatan sedia ada.
- 3) PCI perlu dikumpulkan dan ditambah selagi proses reka bentuk berlangsung.

PROJEK

Adakah klien menyediakan ringkasan projek? Jika ya, lampirkan salinan atau nyatakan di mana ia berada

Apakah tarikh-tarikh penting fasa pembinaan?

Adakah terdapat maklumat lain mengenai projek yang harus dimasukkan dalam PCI?

PERANCANGAN DAN PENGURUSAN PROJEK

Apakah sumber dan masa yang diperuntukkan untuk setiap peringkat projek?

Apakah cara untuk memastikan terdapat kerjasama antara *pemegang tugas* dan kerja dapat diselaraskan?

Adakah terdapat maklumat lain mengenai perancangan dan pengurusan projek yang perlu dimasukkan dalam PCI?

BAHAYA KESELAMATAN DAN KESIHATAN	
Apakah reka bentuk dan bahaya keselamatan dan kesihatan pembinaan (di tapak)? (Contoh asbestos seperti yang disampaikan oleh soal selidik, lokasi perkhidmatan sedia ada dan lain-lain)	
Bagaimanakah bahaya ini ditangani?	
Adakah terdapat perkara lain yang berkaitan dengan kesihatan reka bentuk dan pembinaan atau bahaya keselamatan yang harus dimasukkan dalam PCI? (Contoh: lukisan struktur)	
MAKLUMAT DALAM FAIL KESELAMATAN & KESIHATAN (SHF)	
Adakah SHF sedia ada disediakan di bawah Garis Panduan pada OSHCI (M) 2017? Jika ya, kepilkan salinan atau nyatakan di mana ia dapat dibaca.	
Apakah maklumat yang relevan dalam SHF sedia ada yang harus dimasukkan dalam PCI?	
MAKLUMAT LAIN	
Adakah maklumat lain yang perlu dimasukkan dalam PCI?	
PANDUAN LANJUT	

LAMPIRAN 3. Contoh Penilaian Pereka UtamaKlien

Dalam projek pembinaan Klien mesti melantik, secara bertulis, seorang Pereka Utama (PD) di mana ia boleh dijangka akan ada lebih daripada seorang kontraktor yang akan menjalankan projek pada bila-bila masa. Pelantikan itu mesti dilakukan seawal mungkin dalam proses reka bentuk.

Nota:

- 1) PD adalah pereka yang mempunyai dengan kawalan ke atas fasa pra-pembinaan.
- 2) Sekiranya klien gagal melantik PD, klien mesti memenuhi tugas PD.

MASA PELANTIKAN

Bilakah pelantikan PD akan bermula?	
Bilakah pelantikan PD dijangka akan tamat?	

PERANCANGAN PENGURUSAN KLIEN

Apakah perancanganklien untuk menguruskan projek itu, termasuk peruntukan masa dan sumber lain yang mencukupi?	
Bagaimanakah klien memastikan perancangannya dikekalkan dan dikaji semula sepanjang projek? (contoh: pencapaian utama di mana kemajuan dinilai untuk menentukan sama ada standard kesihatan dan keselamatan sedang dipenuhi atau semakan secara bebas terhadap piawaian pada projek yang lebih besar)	
Bagaimanakah caraklien untuk menyemak bahawa PD mematuhi tugas PD?	

Apakah bantuan (di luar bantuan PCI di bawah) yang akan diminta PD untuk diberi kepada klien projek?	
MAKLUMAT PRA-PEMBINAAN (PCI)	
Apakah maklumat pra-pembinaan yang dimiliki oleh klien?	
Apakah maklumat pra-pembinaan lain yang boleh diperolehi yang disediakan oleh klien?	
Bagaimanakah klien mengharapkan PD untuk membantu menyediakan PCI?	
Bagaimanakah maklumat di atas akan dibentangkan dan diberikan kepada pereka dan kontraktor?	
KEMAHIRAN, PENGETAHUAN, PENGALAMAN DAN KEMAMPUAN	
Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh klien untuk berpuas hati bahawa PD mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan untuk menjalankan peranan PD dalam cara yang menjamin kesihatan dan keselamatan mana-mana orang yang terlibat dengan projek itu?	
Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh klien untuk berpuas hati bahawa PD mempunyai keupayaan organisasi yang diperlukan untuk menjalankan peranan PD dalam cara yang menjamin kesihatan dan keselamatan mana-mana orang yang terlibat dengan projek itu?	
Bagaimanakah klien menyemak bahawa PD mempunyai pengalaman yang mencukupi dan rekod pencapaian yang baik dalam menguruskan risiko kesihatan dan keselamatan yang terlibat dalam projek itu? (contohnya semakan yang dilakukan pada peringkat	

akhir selepas semakan pra-kelayakan telah selesai dan sebelum pelantikan dibuat)	
Bagaimanakah klien menggunakan keahlian institusi atau badan profesional semasa menilai keperluan untuk pereka, arkitek dan ahli pembinaan profesional yang lain? (contoh: badan yang mempunyai pelan yang memberi jaminan bahawa kesihatan dan keselamatan menjadi sebahagian daripada laluan mereka untuk menjadi ahli profesion mereka)	
Bagaimanakah klien menggunakan perkhidmatan penilai bebas (pihak ketiga) untuk menilai keupayaan organisasi PD?	
PERANCANGAN, PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN RISIKO	
Bagaimanakah PD merancang, mengurus dan memantau fasa pra-pembinaan untuk memastikan projek itu berjalan tanpa risiko kepada kesihatan atau keselamatan?	
Bagaimanakah PD akan mengambil kira prinsip umum pencegahan dan kandungan mana-mana pelan fasa pembinaan dan fail keselamatan dan kesihatan semasa projek?	
Bagaimanakah PD mengenal pasti dan menghapuskan atau mengawal risiko yang boleh dijangka kepada kesihatan atau keselamatan mana-mana orang yang menjalankan atau dipengaruhi oleh kerja pembinaan; menyelenggara atau membersihkan struktur; atau menggunakan struktur sebagai tempat kerja?	
Bagaimanakah PD memastikan semua pereka mematuhi tugas mereka untuk menghapuskan,	

mengurangkan dan mengawal risiko melalui proses reka bentuk?	
Bagaimanakah PD memastikan semua pereka menyediakan maklumat tentang risiko dan maklumat di atas untuk membantu orang lain mematuhi tugas mereka?	
PENYELARASAN SEMASA FASA PRA-PEMBINAAN	
Bagaimanakah PD menyelaraskan perkara yang berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan semasa fasa pra-pembinaan?	
KERJASAMA SEMASA FASA PRA-PEMBINAAN	
Bagaimanakah PD memastikan semua orang yang bekerja berkaitan dengan fasa pra-pembinaan bekerjasama dengan klien, PD dan satu sama lain?	
PERHUBUNGAN DENGAN KONTRAKTOR UTAMA	
Bagaimanakah PD menjalin hubungan dengan PC dan berkongsi dengan PC maklumat yang berkaitan dengan perancangan, pengurusan dan pemantauan fasa pembinaan dan penyelarasan perkara-perkara kesihatan dan keselamatan semasa fasa pembinaan?	
PENYEDIAAN FAIL KESELAMATAN DAN KESIHATAN	
Apakah perancangan PD untuk menyediakan fail yang mengandungi maklumat H & S yang mungkin diperlukan semasa projek seterusnya?	
Apakah perancangan PD untuk memastikan fail dikaji, dikemas kini dan lain-lain dari semasa ke semasa dan dihantar kepada klien pada akhir projek?	
PEMBERITAHUAN PROJEK	
Siapa yang akan memberitahu projek itu kepada	

pihak berkuasa yang berkaitan tentang projek itu jika perlu?	
Siapa yang akan memastikan pemberitahuan itu disiarkan di pejabat tapak pembinaan?	
PANDUAN LANJUT	

* Contoh di atas menyatakan keperluan minimum.

LAMPIRAN 5. Contoh Pelan Fasa Pembinaan (CPP)

**Semasa fasa Pra-pembinaan (sebelum menubuhkan tapak pembinaan)
Kontraktor Utama (PC) atau Kontraktor dalam projek kontraktor tunggal
mesti membuat Pelan Fasa Pembinaan (CPP)**

Nota:

CPP mesti menetapkan penyusunan Keselamatan dan Kesihatan dan peraturan tapak yang mengambil kira, jika perlu, aktiviti perindustrian yang berlaku di tapak pembinaan dan, jika berkenaan, mesti termasuk langkah-langkah tertentu di bawah Peraturan Kilang Dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja-kerja Binaan Kejuruteraan (Keselamatan)1986.

HURAIAN PROJEK

Apakah tarikh penting?

Siapa ahli utama pasukan projek?

Apakah penyusunan rancangan ini untuk disemak,
dikemaskini dan disemak semula?

TUJUAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PROJEK

Apakah sasaran H&S untuk projek ini?

PERATURAN TAPAK

Apakah peraturan PPE?

Apakah peraturan tempat letak kereta?

Apakah peraturan penggunaan radio?

Apakah peraturan penggunaan telefon bimbit?

Apakah peraturan untuk merokok?

Apakah peraturan untuk kawasan larangan?

Apakah peraturan untuk kerja panas?

Apakah peraturan lain yang ada?

Adakah ianya perlu untuk menyediakan terjemahan

peraturan tapak?	
Bagaimanakah peraturan tapak mendapat perhatian semua orang di tapak?	
PENYUSUNAN KERJASAMA	
Apakah penyusunan untuk menjamin kerjasama antara anggota pasukan projek dan penyelarasan kerja mereka?	
PENYUSUNAN PENGLIBATAN PEKERJA	
Apakah penyusunan bagi melibatkan pekerja?	
INDUKSI TAPAK	
Apakah penyusunan untuk induksi tapak?	
KEMUDAHAN KEBAJIKAN	
Apakah kemudahan kebajikan yang disediakan di tapak?	
KEBAKARAN DAN KECEMASAN	
Apakah prosedur kebakaran dan kecemasan?	
LANGKAH-LANGKAH KHUSUS (SM)	
<p>Berdasarkan Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Industri Pembinaan (Pengurusan), Lampiran 4: Kerja yang melibatkan risiko tertentu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kerja yang meletakkan pekerja berisiko untuk dikebumikan di bawah tanah runtuh, tenggelam di kawasan paya atau jatuh dari tempat tinggi, di mana risiko itu diterukkan lagi oleh sifat kerja atau proses yang digunakan atau oleh alam sekitar di tempat kerja atau tapak. 2. Kerja yang menyebabkan pekerja terdedah pada risiko daripada bahan kimia atau biologi yang mewujudkan bahaya tertentu kepada keselamatan atau kesihatan pekerja atau melibatkan keperluan undang-undang untuk pemantauan kesihatan. 3. Bekerja dengan radiasi mengionkan. 4. Bekerja berhampiran talian elektrik bervoltan tinggi. 5. Kerja-kerja yang mendedahkan pekerja kepada risiko lemas. 	

6. Bekerja di telaga, kerja tanah dibawah tanah dan terowong.
7. Kerja yang dilakukan oleh penyelam yang mempunyai sistem bekalan udara.
8. Kerja yang dijalankan oleh pekerja dalam kaison dengan keadaan udara termampat.
9. Kerja yang melibatkan penggunaan bahan letupan.
10. Kerja yang melibatkan pemasangan atau pemisahan komponen pasang-siap yang berat.

Apakah Langkah-Langkah Khusus untuk aktiviti-aktiviti berikut?	
a) Kerja penggalian	
b) Bekerja di tempat tinggi	
c) Operasi mengangkat	
d) Bahan-bahan yang berbahaya kepada kesihatan	
e) Talian elektrik bervoltan tinggi	
f) Risiko lemas	
g) Kerja radiasi mengionkan	
h) Ruang terkurung	
i) Menyelam	
j) Udara mampat dalam kaison	
k) Bahan letupan	
Adakah terdapat sebarang langkah khusus yang sesuai untuk dimasukkan dalam CPP?	
PEMANTAUAN DAN SEMAKAN	
Apakah penyusunan untuk memantau keberkesanan pelan ini dalam menangani risiko yang dikenal pasti?	
Bagaimanakah PC bekerjasama dengan kontraktor untuk mengesahkan bahawa pelan itu tetap sesuai untuk tujuan dan kawalan risiko berfungsi?	
PANDUAN LANJUT	

* Senarai CPP ini menyenaraikan keperluan minimum

LAMPIRAN 6. Contoh Fail Keselamatan dan Kesihatan (SHF)

Semasa fasa Pra-pembinaan, Pereka Utama (PD) mesti menyediakan Fail Keselamatan dan Kesihatan (SHF) yang bersesuaian dengan ciri-ciri projek yang mengandungi maklumat yang berkaitan dengan projek yang mungkin diperlukan semasa projek berikutnya untuk memastikan keselamatan dan kesihatan mana-mana orang.

Nota:

- 1) PD harus memastikan bahawa SHF disemak, diperbaharui dan disemak dari semasa ke semasa untuk mengambil kira kerja dan sebarang perubahan yang telah berlaku.
- 2) Butir-butir yang mencukupi perlu disediakan dalam SHF untuk membolehkan risiko berkemungkinan dikenalpasti dan ditangani oleh mereka yang menjalankan kerja.
- 3) SHF TIDAK termasuk perkara seperti maklumat pra-pembinaan, pelan fasa pembinaan, dokumen kontrak, penyata kaedah keselamatan dan lain lain.
- 4) Maklumat mestilah dalam bentuk yang yang MUDAH, JELAS, RINGKAS dan mudah DIFAHAMI.

HURAIAN PEKERJAAN YANG DIJALANKAN

Apakah kerja yang telah dijalankan dalam skop projek ini?	
---	--

BAHAYA TIDAK DIHAPUSKAN

Adakah terdapat sebarang bahaya yang tidak disingkirkan melalui proses reka bentuk dan pembinaan?	
---	--

Bagaimanakah bahaya seperti itu ditangani? (contohnya soal selidik atau maklumat lain mengenai asbestos atau tanah yang tercemar)	
--	--

PRINSIP STRUKTUR UTAMA	
Apakah prinsip-prinsip struktur utama? (contohnya, perembatan, sumber tenaga tersimpan yang besar termasuk pra- atau pasca-tegangan)	
Apakah beban kerja yang selamat untuk lantai dan bumbung?	
Adakah terdapat maklumat lain yang berkaitan dengan prinsip-prinsip struktur utama yang harus dimasukkan dalam SHF?	
BAHAN BERBAHAYA YANG DIGUNAKAN	
Adakah terdapat apa-apa bahan berbahaya yang digunakan? (contohnya plumbum dan salutan khas)	
MAKLUMAT MENGENAI PEMBUANGAN ATAU PEROBOHAN DAN LAIN-LAIN BAGI LOJI ATAU PERALATAN YANG TELAH DIPASANG	
Adakah terdapat sebarang aturan khas untuk mengangkat peralatan tersebut?	
Adakah terdapat maklumat lain yang perlu dimasukkan dalam SHF?	
MAKLUMAT KESELAMATAN DAN KESIHATAN TENTANG PERALATAN UNTUK PEMBERSIHAN ATAU PENYELENGGARAAN STRUKTUR	
Apakah maklumat mengenai peralatan untuk membersihkan struktur harus dimasukkan dalam SHF?	
Apakah maklumat mengenai peralatan untuk menyelenggara struktur harus dimasukkan dalam SHF?	
SIFAT, LOKASI DAN TANDA PERKHIDMATAN YANG PENTING	
Apakah maklumat yang harus dimasukkan dalam SHF mengenai kabel bawah tanah?	

Apakah maklumat yang harus dimasukkan dalam SHF mengenai peralatan bekalan gas?	
Apakah maklumat yang harus dimasukkan dalam SHF mengenai perkhidmatan memadam kebakaran?	
Apakah maklumat perkhidmatan lain yang perlu dimasukkan dalam SHF?	
MAKLUMAT DAN LUKISAN SANTIRBANGUNAN, LOJI DAN PERALATAN	
Apakah cara selamat untuk masuk ke dan dan keluar daripada lombang perkhidmatan dan pintu rintangan api?	
Apakah maklumat lain seperti jenis ini yang harus dimasukkan dalam SHF?	
PANDUAN LANJUT	

LAMPIRAN 7. Senarai Semak untuk Pemegang Tugas

LAMPIRAN 7.1. Senarai Semak Tugas Klien

NO	a) TUGAS KLIEN	YA	TIDAK	TINDAKAN
	Tugas utama klien terhadap semua projek pembinaan adalah untuk:			
1	Pastikan aturan pengurusan yang sesuai dibuat untuk projek tersebut.			
2	Pilih & lantik Pereka Utama yang kompeten dan berpengalaman.			
3	Pilih & lantik Kontraktor Utama yang kompeten dan berpengalaman.			
4	Maklumkan kepada pihak berkuasayang berkaitan mengenai projek-projek tertentu (wajib lapor).			
5	Memastikan masa dan sumber yang mencukupi diberikan untuk semua peringkat projek.			
6	Sediakan maklumat pra-pembinaan (PCI) kepada pereka dan kontraktor.			
7	Pastikan kecukupan pelan fasa pembinaan (CPP) sebelum permulaan pembinaan.			
8	Pastikan bahawa kemudahan kebajikan yang sesuai telah disediakan sebelum permulaan pembinaan.			
9	Latihan kontraktor – Memastikan maklumat, arahan dan latihan yang diperlukan diterima dan penyeliaan yang sesuai disediakan untuk mematuhi peraturan.			

10	Memastikan kerjasama dan penyelarasan antara pekerja dan kontraktor klien dengan kontraktor projek di mana aktiviti kerja klien bertindih dengan kerja pembinaan dan membolehkan orang lain melaksanakan tugas mereka.			
11	Selepas menerima Fail keselamatan dan kesihatan daripada Pereka Utama, kekalkan maklumat yang dikemas kini dan sediakan akses kepada mana-mana orang yang perlu melihatnya untuk tujuan kesihatan dan keselamatan.			
NO	b) KLIEN PRA-PEMBINAAN	YA	TIDAK	TINDAKAN
1	Apakah anda jelas tentang tanggungjawab anda?			
2	Sudahkah anda membuat pelantikan formal?			
3	Adakah anda sudah memeriksa bahawa pereka utama atau pereka mempunyai keupayaan dan kemahiran, pengetahuan, latihan dan pengalaman yang diperlukan untuk memenuhi tugas mereka?			
4	Adakah anda sudah menyemak bahawa kontraktor utama atau kontraktor mempunyai keupayaan dan kemahiran, pengetahuan, latihan dan pengalaman yang diperlukan untuk memenuhi tugas mereka?			
5	Adakah anda sudah memastikan bahawa pasukan projek mempunyai sumber yang secukupnya?			

6	Adakah projek atau ringkasan klien telah dikeluarkan kepada pasukan projek?			
7	Adakah pasukan projek telah diberikan maklumat tentang tapak atau struktur sedia ada (maklumat pra-pembinaan)?			
8	Adakah anda mempunyai akses kepada <i>nasihat kesihatan dan keselamatan khusus projek</i> ?			
9	Adakah terdapat penyusunan yang sesuai untuk mengurus kesihatan dan keselamatan sepanjang projek?			
10	Adakah jadual aktiviti utama untuk projek telah dihasilkan?			
11	Adakah masa yang mencukupi untuk melengkapkan aktiviti utama telah diberi?			
12	Adakah anda sudah menyemak bahawa pelan fasa pembinaan telah disediakan secukupnya sebelum kerja bermula di tapak?			
13	Adakah anda berpuas hati bahawa kemudahan kebajikan yang sesuai telah disediakan sebelum kerja bermula di tapak?			
14	Adakah anda bersetuju dengan format dan kandungan fail keselamatan dan kesihatan?			

* Diadaptasi daripada HSE UK CDM2015. Peraturan Pembinaan (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2015 Panduan Industri untuk Klien [The Construction (Design and Management) Regulations 2015 Industry guidance for Clients]

LAMPIRAN 7.2. Senarai Semak Pertimbangan untuk Klien

PERTIMBANGAN KLIEN				
NO	PERINGKAT PRA-TENDER	YA	TIDAK	TINDAKAN
1	Adakah kandungan projek yang dicadangkan ada dalam mana-mana definisi untuk kerja pembinaan?			
2	Adakah pasukan projek mengenal pasti siapa yang akan menjadi klien? (Sekumpulan klien boleh memilih salah seorang daripada mereka untuk mewakili klien.)			
3	Adakah anda perlu melantik mana-mana pereka dan/atau Pereka Utama (PD) ?			
4	Adakah Klien yang ditetapkan telah dimaklumkan mengenai keperluan untuk menyediakan RINGKASAN KLIEN dan Maklumat Pra-Pembinaan kepada Pereka Utama ?			
5	Adakah <i>pemegang tugasyang</i> kompeten, iaitu pereka dan/atau Pereka Utama (PD) , dilantik untuk projek yang dicadangkan?			
6	Adakah anda memberi maklumat kepada pereka dan/atau PD mengenai projek sebelum kerja-kerja?			
7	Adakah anda membuat pertemuan dengan pereka dan/atau PD seberapa banyak yang mungkin untuk kerja reka bentuk?			
8	Adakah anda sudah menjalankan Analisis Bahaya Awal (PHA) atau Pengenalpastian Bahaya (HAZID) ?			
9	Adakah anda sudah menyiapkan Ringkasan Bahaya dan Kesan ?			

NO	PERINGKAT PRA-PEMBINAAN	YA	TIDAK	TINDAKAN
10	Adakah sistem pengurusan klien mampu bertindak balas sekiranya terdapat sebarang pindaan untuk reka bentuk/ kerja pembinaan?			
11	Adakah anda sudah mengumpulkan maklumat pra-pembinaan dalam simpanan anda setelah membuat carian dan pertanyaan yang sesuai termasuk:			
12	Apa-apa maklumat mengenai atau yang menjejaskan tapak atau pembinaan?			
13	Apa-apa maklumat mengenai cadangan penggunaan struktur?			
14	Apa-apa maklumat yang mesti terkandung dalam Ringkasan Klien untuk PD?			
15	Masa yang diperuntukkan untuk pra-pembinaan sebelum permulaan kerja pembinaan?			
16	'Fail Keselamatan & Kesihatan' sedia ada berkenaan struktur?			
